



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 10345]

USUL-USUL:

AKTA KASTAM, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27), 1983	} [Ruangan 10389]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32), 1983	} [Ruangan 10390]
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41), 1983	
Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42), 1983	

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN
MESYUARAT [Ruangan 10389]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Manuver Tentera [Ruangan 10397]

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim—Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).

- Yang Berhormat DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- .. DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- .. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- .. DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 20hb Oktober, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

CODE OF TAKEOVERS AND
Mergers

1. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian beliau telah menggubal "Code of Takeovers and Mergers" bagi syarikat-syarikat yang sahamnya diniagakan dalam pasaran saham, jika ya, apakah isi kandungannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan izin, Guidelines for the Regulations of Acquisition of Assets Mergers and Takeovers telah digubal dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing, Jabatan Perdana Menteri. Peraturan ini bukan sahaja meliputi pengambilalihan dan penyatuan syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur tetapi juga meliputi syarikat-syarikat lain yang sahamnya tidak diniagakan dalam Pasaran Saham ataupun syarikat-syarikat Sendirian Berhad.

Tuan Yang Dipertua, bagi isi kandungan peraturan tersebut di atas adalah pada pandangan saya agak panjang sedikit untuk dibaca di sini dan

oleh itu jika Ahli Yang Berhormat ingin hendak mengetahuinya, saya syorkan supaya beliau membaca dari Laporan Ekonomi yang dikeluarkan setiap tahun oleh Kementerian Kewangan dan juga tidak salah kalau saya katakan bahawa ini adalah juga selaras dengan kempen Kerajaan sekarang yang menggalakkan kita membaca.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman.

(Pertanyaan No. 2 Y. B. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman tidak hadir)

INDUSTRI BERASASKAN
PERTANIAN

3. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Pertanian menyatakan setakat ini berapakah industri-industri yang berasaskan pertanian telah dirancang dan dilaksanakan melalui MARDI dengan penglibatan FAMA dan juga usahawan-usahawan kecil dan nyatakan kemajuan yang telah dicapai.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, MARDI terlibat dalam rancangan kemajuan dan pelaksanaan industri-industri berasaskan pertanian dengan penglibatan bersama agensi-agensi Kerajaan seperti FAMA, Bank Pertanian, Bank Pembangunan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta penglibatan terus menerus dengan usahawan-usahawan kecil.

Di antara projek-projeknya adalah projek-projek telur itik asin, pemerosesan kopi, pemerosesan kelapa kering, penapaian dan pengredan biji koko, penyimpanan dan pengeringan halia, penyimpanan dan pengendalian ikan air tawar, penyimpanan dan pengendalian pemerosesan sayur-sayuran dan penyimpanan dan pemerosesan tebu.

Melalui program terus menerus dengan usahawan-usahawan kecil, MARDI telah mewujudkan program-program seperti memproses makanan seperti roti, biskut, kicap, sos, makanan dalam tin, acar, keropok, ikan kering, serbuk kopi, minuman, laksa, mee, tauhu, meehoon dan minyak kelapa.

Dari program-program yang dijalankan kemajuan yang dicapai adalah menggalakkan di mana mutu pengeluaran usahawan telah meningkat. Pemasaran bahan-bahan telah dapat dipertingkatkan dengan kerjasama agensi-agensi pengedaran dan pemasaran. Kebersihan kilang terkawal dan setengah daripada usahawan-usahawan telah terlibat dalam rancangan pembesaran perusahaan mereka. Akibat dari peningkatan mutu pengeluaran dan proses-proses pembungkusan, sebahagian daripada para usahawan telah pun mengeksportkan bahan pengeluaran mereka ke negara-negara luar seperti Brunei, Hong Kong dan negara-negara Timur Tengah.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Malaysia sekarang mengeluarkan koko dengan satu skel yang besar dan oleh kerana harga koko yang begitu dipengaruhi oleh faktor-faktor dunia, adakah usaha dijalankan oleh MARDI untuk mengadakan industri yang boleh menggunakan koko yang bukan sahaja boleh dapat pasaran tempatan tetapi juga pasaran dunia.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, ini memang tujuan MARDI bukan sahaja memasarkan di dalam negeri tetapi mencari peluang-peluang eksport di luar negeri.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan beberapa kegiatan yang telah dilakukan oleh agensi Kerajaan di antaranya ialah MARDI.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri segala usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak MARDI ini adakah sepenuhnya ditadbir, diurus, dijalankan oleh MARDI dan kalau benar adakah pihak MARDI bersedia untuk mengadakan urusan-urusan itu secara usahasama dengan mana-mana pihak pengusaha bumiputera yang berminat.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, memanglah menjadi tujuan FAMA serta agensi-agensi pertanian yang lain di Kementerian Pertanian menggalakkan usahawan-usahawan tempatan termasuklah usahawan-usahawan bumiputera menguruskan segala kegiatan ekonomi mereka, dan seperti saya katakan tadi MARDI telah menjalankan rancangan memberi perkhidmatan 'extension' kepada usahawan-usahawan kecil dan juga MARDI ada satu Program Anak Angkat dan 20 orang usahawan dari seluruh tanahair pun telah dipilih, mereka dibimbing, dididik dan diberi galakan oleh MARDI dan kemajuan yang dicapai setakat ini sangat-sangatlah menggalakkan.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa walaupun MARDI telah menjalankan usaha-usaha yang begitu baik dari segi

industri yang berdasarkan pertanian bahawa banyak projek-projek MARDI ini pemerosesannya seperti sos, tapai, kicap dan juga bahan-bahan tempatan tidak begitu mendapat pemasaran yang baik khasnya tidak dapat disampaikan untuk pengetahuan umum dan perkara-perkara ini, benda-benda yang diproses oleh MARDI hanya dijual kepada golongan yang tertentu, lebih tepat di kalangan pegawai-pegawai atau kakitangan MARDI sahaja.

Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar dan kalau sedar adakah langkah-langkah yang akan diambil agar pemasaran ini dapat diperluaskan bagi kepentingan kita bersama.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, MARDI bukanlah suatu agensi pemasaran, agensi yang bertanggungjawab bagi pemasaran ialah FAMA. Jadi, tugas MARDI ialah menjaga produksi dan kualiti barang yang dibuat oleh usahawan-usahawan yang dibimbing oleh MARDI. Jika apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu benar, saya akan mengarahkan FAMA memberi perhatian kepada masalah itu.

Tuan Yang Dipertua: Sungai Petani, penghabisan.

Wan Zainab binti M.A. Bakar: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah kejayaan MARDI mendapat hasil dalam kajiannya dan sejauh manakah hasil kajian itu dapat membangun usahawan bumiputera.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, soalan pertama adalah sangat umum, akan tetapi berkenaan dengan kegiatan MARDI untuk menolong bumiputera, saya pun tadi telah menjawab. Melalui program

menolong usahawan-usahawan kecil, usahawan-usahawan bumiputera, MARDI telah dan sedang menolong usahawan-usahawan bumiputera.

PETRONAS DALAM USAHA MENCARIGALI

4. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang dibuat oleh PETRONAS dalam usaha mencarigali lebih banyak telaga minyak di samping berusaha mencari lebih banyak pasaran eksport minyak mentah di samping Jepun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, di antara tahun 1977 dan 1982 225 telaga eksplorasi penilaian telah digerudi oleh kontraktor-kontraktor PETRONAS. Dalam tempoh tersebut 25 telaga minyak dan 27 telaga gas telah dijumpai. Sebanyak 15 telaga lagi dijangka akan digerudi dalam tahun 1983 ini; tambahan pula di antara tahun 1980 dan 1982 Syarikat PETRONAS Carigali telah menggerudi sebanyak 10 telaga eksplorasi penilaian yang menghasilkan satu telaga minyak dan satu telaga gas dijumpai kesemuanya di luar pantai Terengganu.

Setakat 30-9-1983 PETRONAS Carigali telah pun menggerudi sejumlah 8 telaga sepanjang tahun ini dan menghasilkan 3 telaga minyak dijumpai.

PETRONAS baru-baru ini menamatkan suatu kajian "seismic" di Selat Melaka dan data yang diperolehi ketika ini masih lagi diproses untuk menentukan potensi haidro karbon di situ.

Tuan Chan Kok Kit: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada usaha mencarigali tersebut dilakukan oleh PETRONAS sendiri atau dengan usahasama syarikat-syarikat minyak lain?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, perkara yang pertama ialah PETRONAS sebagai agensi Kerajaan memang bertujuan menggali atau menggerudi minyak sesendirinya seberapa bolehnya. Kalau kita ada kemudahan semuanya kita akan buat sendiri. Malangnya seperti yang kita ketahui, PETRONAS belum lagi mempunyai kelengkapan-kelengkapan dan juga kemahiran-kemahiran, kepakaran-kepakaran untuk menjalankan khidmat atau usaha ini sesendirinya dan oleh itu pada ketika ini seperti Ahli Yang Berhormat sendiri maklum kita masih menggunakan tenaga dan usaha syarikat-syarikat minyak yang telah memeterikan perjanjian-perjanjian tertentu dengan PETRONAS.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan kejayaan yang dijalankan oleh PETRONAS dengan mencapainya PETRONAS mendapat telaga-telaga minyak dan telaga-telaga gas yang begitu banyak dan juga sumber pemasarannya hanya ke negeri Jepun sahaja, tidakkah setakat ini berlaku perlambakan atau pembaziran di dalam pengeluaran yang merupakan kerugian kepada negara jika sekiranya keadaan pembaziran, perlambakan ini berlaku.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, pengeluaran minyak mentah dan juga gas daripada negara kita adalah satu usaha yang dijalankan dengan rancangan yang tertentu terutama sekali dengan keinsafan untuk menjimatkan penggunaan sumber-sumber semula jadi yang sangat berguna kepada negara kita ini. Oleh yang demikian, kadar yang digunakan oleh PETRONAS sebenarnya tidak ada perlambakan, tidak ada pembaziran. Di sebaliknya kita seboleh-bolehnya mempertahankan pengeluaran minyak mentah dan

juga gas daripada negara kita ini dengan seberapa sederhananya supaya tidak membazir.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu. Penghabisan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kepada Dewan yang mulia ini daripada 225 kawasan yang dicarigali dan 25 kawasan minyak yang dijumpai itu dimanakah tempat-tempat yang banyak sekali usaha carigali dijalankan dan di mana kawasan yang banyak sekali ditemui potensi minyak oleh kerana banyak komplek daripada negeri Kelantan dan negeri Pahang walaupun mereka bersempadan dengan Terengganu, tetapi minyak tidak dijumpai di pantai kedua-dua negeri ini.

Jadi, untuk memberi keadilan baiklah saya meminta Yang Berhormat Menteri menerangkan kedudukan sebenarnya mengenai perkara ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, dengan sejatinya saya ingin memberi jawapan lanjut dengan butir-butir tetapi sebenarnya saya tidak mempunyai butir-butir itu. Tetapi kalau hendakannya, saya boleh memberi jawapan bertulis; dan mengenai dengan negeri-negeri yang belum lagi menemui minyak minta bersabarlah. Manalah kita tahu kalau awan mendung hari ini, esok dia cerah! (*Ketawa*).

ASEAN BERDIALOG DENGAN EEC

5. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) memandangkan kepada semakin bertambahnya dasar perlindungan atau "protectionist" dan lain-lain halangan perdagangan yang dilancarkan oleh negara-negara maju,

pernahkan negara kita membuat syor-syor yang konkrit untuk mengadakan kerjasama ekonomi yang lebih rapat dan saling tolong menolong di antara ahli-ahli ASEAN, seumpama dengan European Economic Community (EEC); dan

- (b) sama ada ASEAN telah merancang untuk mengadakan projek-projek usahasama baru di negara kita, jika ya, apakah jenis-jenis projek yang akan dilaksanakan dan bila.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, sebagai menjawab soalan (a) dari Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, ingin saya nyatakan bahawa Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain mengadakan dailog dengan 6 negara-negara maju sejak awal tahun 1970an lagi. Dailog-dailog tersebut bermula dengan Masyarakat Ekonomi Eropah (EEC) pada tahun 1972 dan disusuli pula dengan kelima-lima negara berikutnya iaitu Australia pada tahun 1974, Canada 1975, New Zealand 1975, Jepun 1977 dan akhirnya dengan Amerika Syarikat pada tahun 1977 juga.

Dailog-dailog itu bertujuan untuk memupuk dan memajukan kerjasama dengan negara-negara tersebut supaya hubungan ekonomi dan perdagangan dapat dipelihara dan diperbaiki.

Di dalam bidang perdagangan perkara penting yang dibangkitkan di dalam setiap dailog ialah mengenai dasar perlindungan yang semakin kuat diamalkan oleh negara-negara maju sebagai reaksi mereka kepada kemelesetan ekonomi dunia yang begitu menekan ketika ini. Sebagai contoh, negara ASEAN mengajak EEC bersama-sama menentang gejala dasar perlindungan ini dan menggesa mereka memperbaiki dan meluaskan lagi penggunaan skim keutamaan khas (generalised scheme of preference).

Malaysia juga memainkan peranan yang besar supaya hasil-hasil utama ASEAN seperti getah, timah, minyak kelapa, kelapa sawit, papan lapis dan sebagainya tetap mendapat pasaran yang mencukupi di negara-negara EEC dan juga negara-negara dailog yang lain.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Bersama ASEAN dengan EEC pada 2hb-4hb Oktober yang baru lalu, Malaysia telah mengemukakan satu memorandum bagi pihak ASEAN yang menggesa supaya cadangan Suruhanjaya Masyarakat Eropah di Brussel untuk mengenakan cukai penggunaan (consumption tax) ke atas minyak sayur-sayuran termasuk minyak kelapa dan kelapa sawit dibatalkan. Gesaan ini ditolak oleh pihak Suruhanjaya Masyarakat Eropah tetapi Malaysia dan negara-negara ASEAN akan meneruskan dengan desakan ini.

Selain daripada itu Malaysia telah juga memainkan peranan yang aktif dalam usaha ASEAN bagi menentang gejala dasar perlindungan dalam bentuk bukan cukai seperti syarat-syarat dan peraturan yang ketat mengenai kesihatan dan kebersihan yang dikuatkuasakan oleh United States Food And Drug Administration ke atas nenas tin khususnya dari Malaysia dan ASEAN pada keseluruhannya yang dieksport ke Amerika Syarikat. Usaha ini telah mendapat perhatian yang berat daripada Amerika. Oleh yang demikian eksport nenas yang diproses untuk pasaran ke negara itu dari negara-negara ASEAN telah bertambah. Sebagai contoh dari Malaysia sahaja eksport bertambah dari \$7.9 juta di tahun 1981 ke \$9.4 juta di tahun 1982.

Masalah dasar perlindungan ini tetap akan menjadi rintangan kepada perkembangan perdagangan Malaysia dan ASEAN dengan negara-negara

luar. Oleh yang demikian dialog-dialog yang diadakan oleh ASEAN dengan negara-negara ini akan terus menjadi forum demi untuk mengatasinya dan Malaysia akan tetap memainkan peranan yang wajar untuk mencari penyelesaian itu.

Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan (b) pula, buat masa ini Malaysia masih belum lagi merancang untuk mengadakan sebarang projek usahasama ASEAN seperti yang ada sekarang iaitu Projek Urea ASEAN di Bintulu. Projek usahasama ASEAN di Bintulu itu akan mengukuhkan lagi kerjasama di antara negara-negara ASEAN khususnya di dalam bidang perindustrian.

Walau bagaimanapun, satu Draft Perjanjian Dasar Usahasama Perindustrian ASEAN (Basic Agreement of ASEAN Industrial Joint-Venture) telah pun digubal oleh negara-negara ASEAN dan akan ditandatangani kelak setelah dipersetujui oleh setiap negara anggota.

Perjanjian ini akan membolehkan sektor swasta mengambil daya usaha untuk mengadakan usahasama tersendiri dalam suasana yang difikirkan cukup baik dari segi pelaburan dan pasaran. Kerajaan kita berharap sektor swasta di Malaysia akan bersedia mengambil kesempatan yang baik itu supaya industri kita dapat maju setanding dengan industri di negara-negara ASEAN yang lainnya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri Luar Negeri tadi menyatakan dialog dengan enam buah negara maju telah pun diadakan dalam tahun 1970an bagi melindungi perlindungan ekonomi terhadap negara kita dan negara-negara ASEAN. Tetapi apa yang berlaku pada hari ini dalam tahun 80an

oleh kerana kesan ekonomi dunia yang tidak dapat dinafikan adalah dimainkan peranan oleh enam buah negara yang maju yang disebutkan tadi itu telah menyebabkan negara kita khususnya dan negara-negara ASEAN menerima tekanan ekonomi dunia yang paling agak hebat sekali bagi negara kita. Apakah suatu dialog yang paling berkesan sekali untuk mengatasi masalah yang timbul.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan memanglah sedikit sebanyak kita kesal dengan tindak tanduk dasar perlindungan negara-negara dialog tadi tetapi usaha kita untuk mengadakan dialog-dialog tahunan dengan beberapa negara tersebut adalah bertujuan semata-mata untuk meyakinkan mereka untuk menukar dasar-dasar yang merugikan kita itu dan juga mencari jalan yang lain untuk memajukan kerjasama dua pihak.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Suruhanjaya Masyarakat Eropah (EEC) telah menolak gesaan Jawatankuasa Bersama ASEAN untuk membatalkan cukai penggunaan (consumption tax) ketika mesyuarat di Brussel dan sekarang kita dengar bahawa Sepanyol dan Portugal mungkin akan menyertai EEC dan Sepanyol serta Portugal ini mempunyai kepentingan dari segi keluaran minyak umpamanya pengeluaran minyak Zaiton dan ini boleh menyebabkan pihak Sepanyol dan Portugal menggunakan kuasa yang ada pada mereka bagi menguatkan lagi supaya cukai penggunaan ini diketatkan lagi. Dan ini boleh merumitkan cara kita untuk meminta pihak EEC membatalkan cukai penggunaan ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menukar cara kita iaitu cara mengadakan dialog dua hala.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa selain daripada itu negara-negara maju juga telah mengenakan syarat-syarat bukan tarif seperti Amerika dan kita mempunyai Jawatankuasa Piawaian di SIRIM yang mana menjadi sebuah badan mewakili negara kita. Adakah pihak Jawatankuasa Piawaian ini telah pernah memainkan peranan dalam meyakinkan pihak Amerika supaya memastikan bahan-bahan ataupun barang-barang nenas dalam tin khususnya adalah bermutu tinggi dan tidak memudaratkan dari segi kesihatan.

Yang ketiga, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa satu Draf Dasar Usahasama Perindustrian ASEAN telah pun digubal dan akan memastikan pihak swasta dengan daya usaha sendiri boleh menjalankan usahasama. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah perkara-perkara yang penting yang lain diadakan dalam dasar itu khususnya untuk memastikan bahawa dasar yang digubal itu akan sama-sama membantu dalam konteks Dasar Ekonomi Baru negara kita.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedar bahawa dua buah negara yang mengeluarkan minyak zaitun (olive oil) di Eropah adalah Greece dan juga Spain. Spain sekarang diambang pintu memasuki sebagai ahli EEC, itulah sebabnya maka pihak ASEAN, pihak Malaysia telah pun memajukan suatu memorandum iaitu mengenai consumption tax. Kalau tax ini dikenakan kepada minyak sayuran kita, maka sudah tentulah ianya tidak lagi akan competitive di Europe dan ini sudah pun ditolak, tetapi kita masih sedang berunding, masih sedang mendesak dan menggesa supaya pihak EEC dapat menukar sikap mereka itu.

Yang keduanya, mengenai nenas dalam tin dan barang-barang lain iaitu mengenai syarat-syarat bukan cukai yang dikenakan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara EEC itu, maka cara kita untuk meyakinkan mereka adalah berbagai-bagai dan salah satunya adalah dengan menggunakan pihak SIRIM, tetapi setakat ini kita sudah pun berjaya dalam isu ini, cuma yang kita bimbang adalah tahap yang digunakan oleh pihak Amerika Syarikat itu dari segi kesihatan adalah agak terlalu tinggi dan kita rasa tidak perlu, ini sudah pun kita jaya untuk meyakinkan mereka.

Mengenai deraf perjanjian dasar itu, maka oleh sebab berbagai-bagai perkembangan termasuk juga soal kemelesetan ekonomi dan juga soal Kerajaan sendiri tidak mahu terlibat dengan wang yang banyak dalam pelaburan-pelaburan, maka satu perjanjian pokok, satu persefahaman pokok telah pun dicapai di antara negara-negara ASEAN iaitu untuk menggalakkan projek-projek besar usahasama di kalangan negara-negara ASEAN, tetapi oleh pihak swasta itu sendiri.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan memandang sikap Kerajaan Australia terhadap Resolusi ASEAN mengenai Kampuchea di United Nations, adakah sikap Australia ini menjejaskan segala kerjasama dalam bidang perdagangan, memandang tindakan balas yang mungkin dirancangan oleh negara ASEAN terhadap sikap negara Australia. Apakah peranan yang akan dimainkan oleh Kerajaan kita dalam perkara ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang rasa kesal dengan sikap Australia baru-baru ini mengenai soal Kampuchea. Namun demikian sebarang tindakan ASEAN ataupun

Malaysia terhadap Australia terpaksa—lah mengambilkira dan mempertimbangkan segala kepentingan yang lain dan selepas dipertimbangkan semuanya, maka barulah kita boleh menentukan suatu sikap.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Rantau Panjang yang penghabisan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kenapakah pihak Kerajaan Malaysia tidak mengadakan dailog dalam meningkatkan hubungan perdagangan dan kerjasama ekonomi dengan negara-negara di Asia Barat dan Afrika? Apakah negara-negara ini tidak merupakan satu kawasan yang penting untuk kita meningkatkan hubungan perdagangan kerana kita telah sampai dalam memasarkan pasaran barangan kita hingga ke Brazil sekarang ini?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, bilangan negara-negara dailog (dailogue partners) itu kian meningkat dari masa ke semasa dan apabila dipandang perlu, maka bilangan negara-negara dailog ini akan ditambah dari masa ke semasa.

Setakat ini negara-negara yang telah dipilih untuk kita mengadakan dailog adalah negara-negara yang dari segi hakikatnya mempunyai perdagangan yang luas dengan kita. Namun demikian kita juga mempunyai satu dasar yang lain iaitu dasar kerjasama ekonomi di antara negara-negara membangun ataupun apa yang dikenali sebagai ECDC ataupun Kerjasama Selatan-Selatan dan dalam bentuk dasar ini kita memang sedang memupuk hubungan yang erat dengan negara-negara Dunia Ketiga secara bilateral dan sebagainya.

RUMAH AWAM KOS RENDAH— PENYEDIAAN KEMUDAHAN SOSIAL

6. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) mengapakah pembinaan rumah-rumah awam yang telah berjalan, tidak dengan bersama-sama dengan pembinaan kemudahan sosial, seperti padang permainan, taman rekreasi dan lain-lain; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk menggunakan kawasan lapang di kawasan perumahan kos rendah awam ini, supaya dapat dimajukan sebagai kawasan kegiatan sosial dan sukan, seperti yang telah dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan swasta.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar bahawa pembinaan rumah awam kos rendah telah berjalan tanpa penyediaan kemudahan sosial seperti padang permainan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebarang pembangunan fizikal khususnya pembangunan perumahan mestilah yang mematuhi piawaian perancangan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Bagi projek-projek rumah awam kos rendah pula, Kementerian dalam Buku Garis Panduannya kepada semua Kerajaan Negeri telah mengarahkan bahawa bagi projek perumahan yang dilaksanakan secara condominium, khususnya kemudahan sosial seperti taman permainan kanak-kanak, kedai, klinik kesihatan dan taman serbaguna, sekolah dan lain-lain perlulah disediakan berpandukan kepada

piawaiannya perancangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Walau bagaimanapun, jika sesuatu projek perumahan itu berdekatan dengan kawasan yang telah disediakan dengan kemudahan yang sama, maka kemudahan-kemudahan tersebut tidaklah perlu disediakan lagi.

Dengan garis panduan seperti ini sudah tentu ada projek-projek perumahan awam kos rendah yang tidak mempunyai kemudahan asas oleh kerana kemudahan yang sama sedia ada di kawasan berdekatan ataupun projek-projek yang berkenaan adalah terlalu kecil untuk dilengkapkan dengan kemudahan tersebut.

Sebagai contoh bagi projek-projek di luar bandar yang mempunyai antara 50-100 unit rumah iaitu mengandungi lebih kurang 250 hingga 750 orang, ini bermakna bahawa kemudahan asas seperti klinik kesihatan dan kawasan lapang atau taman permainan kanak-kanak pun tidak perlu dibekalkan.

Mengikut piawaiannya perancangan klinik kesihatan hanya perlu dibina sekiranya sesuatu kawasan mempunyai penduduk di antara 2,500 hingga 3,000 orang, begitu juga keadaannya bagi taman permainan kanak-kanak yang mana satu taman tersebut adalah perlu disediakan bagi kawasan yang mempunyai penduduk antara 2,500 hingga 3,000 penduduk.

Oleh kerana peruntukan untuk melaksanakan berbagai kemudahan sosial yang diperlukan itu adalah di bawah jagaan Jabatan ataupun Kementerian yang tertentu umpamanya Kementerian Kesihatan untuk klinik kesihatan dan Kementerian Pelajaran untuk sekolah, pembinaan kemudahan tersebut sememangnya sukar untuk dilaksanakan bersamaan dengan pembinaan rumah awam kos rendah.

Tuan Yang Dipertua, bagi soalan kedua pula berkaitan dengan soalan Ahli Yang Berhormat ini tadi, secara

amnya kawasan lapang di kawasan perumahan awam kos rendah sememangnya digunakan untuk kegiatan sosial dan sukan termasuklah untuk kegunaan mainan bola dan badminton. Sama ada kemudahan permainan kanak-kanak seperti buaian, papan jongkang-jongkit dan sebagainya dapat disediakan adalah tertakluk pula kepada kedudukan kewangan Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah yang berkenaan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di samping memberi arahan dan garis-garis panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bersama-sama dengan arahan dan garis-garis panduan itu memberi peruntukan khas untuk membina kemudahan-kemudahan sosial di rancangan-rancangan perumahan awam.

Soalan kedua, adakah kemudahan-kemudahan sosial ini termasuk pembinaan Dewan-dewan Orang Ramai, Surau-surau di tempat-tempat yang berkenaan dan juga usaha-usaha untuk mencantikkan kawasan-kawasan perumahan ini dengan tanaman-tanaman pokok-pokok dan pokok-pokok bunga dan sebagainya.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, mengikut aturcara kewangan (trust directive) berkaitan dengan Kumpulan Wang Amanah di bawah Kementerian ini hanya bagi projek yang disebut sebagai kondominium sahaja dibenarkan perbelanjaan berkaitan dengan pembinaan-pembinaan apa yang disebutkan 'kemudahan-kemudahan sosial' tadi, seperti Dewan Orang Ramai, penyediaan Taman Permainan Kanak-kanak dan sebagainya. Bagi kemudahan yang lain pula, dukaçitalah Kementerian tidak ada peruntukannya dan ini terpulanglah kepada Kerajaan

Negeri untuk berunding dengan Jabatan-jabatan yang tertentu dan juga Kementerian-kementerian tertentu. Misalnya untuk mendirikan surau atau masjid itu perlulah berunding dengan Pejabat Hal Ehwal Agama.

Soalan kedua tadi, sudah lupa pula saya, minta maaf, Tuan Yang Dipertua.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Sudah jawab! (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Oh! sudah jawab.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam perancangan pembinaan rumah-rumah awam oleh Kerajaan, penyelarasan dan koordinasi antara Jabatan-jabatan sangat tidak memuaskan hingga berlaku rumah-rumah telah siap selama setahun atau lebih belum boleh dimasuki kerana bekalan elektrik dan bekalan airnya tidak dapat diadakan. Ini telah berlaku dalam kawasan saya. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini supaya tidak berulang lagi.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, memanglah saya mengakui kadang-kala ada juga di mana tempat-tempat penduduk atau penghuni pun sudah masuk di rumah awam kos rendah itu dengan tidak ada bekalan elektrik ataupun bekalan air. Sebenarnya bagi pihak Kementerian ini semua sudah diurus dengan Kerajaan Negeri dan saya fikir ini adalah terpuang pula kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Jerantut yang menghabiskan.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, kita sedang bercakap tentang imej Kerajaan; Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat dan nampaknya pihak swasta telah melaksanakan garis panduan tadi. Soalannya adakah Kementerian bercadang mengeluarkan satu peraturan dan juga, 'enforcement' yang kuat supaya semua sekali agensi Kerajaan Negeri dan Pusat melaksanakan garis-garis panduan ini dan juga menetapkan peruntukan membina rumah-rumah ini mestilah disekalikan dengan peruntukan untuk membina kemudahan-kemudahan sosial seperti tempat permainan, taman rekreasi dan sebagainya.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, saya kurang faham yang mana satu garis panduan pihak swasta yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, kerana selama ini, rasa saya belum ada lagi pihak swasta mengadakan garis-garis panduan sepertimana yang disebutkan tadi, hanya Kementerian sahaja yang mengadakan garis-garis panduan.

Berkenaan dengan permintaan Ahli Yang Berhormat tadi supaya semua peringkat, sama ada di Pusat ataupun Kerajaan Negeri untuk bekerja dengan cekap, bersih dan amanah, saya juga berharap begitu dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan yang lumayan, sudah tentu Kementerian akan mengadakan kemudahan-kemudahan sosial yang dipohon itu.

Tuan Yang Dipertua: Adakah minta yang lumayan? (*Ketawa*).

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG— KEMUDAHAN PENUMPANG

7. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa susunan dalaman

(interior layout) dan susunan keselamatan (security arrangement) di Bangunan Terminal Satu Lapangan terbang Antarabangsa Subang adalah agak meragukan dan menyusahkan (inconvenient) bagi para penumpang. Lebih teruk lagi, ada kemungkinan bagi penumpang-penumpang yang tiba dari penerbangan antarabangsa keluar dari airport tanpa melalui tempat pemeriksaan Imigresen untuk diperiksa. Kalau ya, apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang Dipertua, susunan dalam di Bangunan Terminal Satu telah diaturkan supaya penumpang-penumpang antarabangsa dan juga penumpang-penumpang dalam negeri dapat diproses cara berasingan, khususnya bagi pemeriksaan Imigresen dan Kastam untuk penumpang-penumpang yang tiba. Bagi membantu penumpang-penumpang supaya mereka menuju ke Balai-balai Tiba yang sebenar bagi mereka, papan-papan tanda arah ke Balai-balai Tiba yang berkenaan telah diadakan. Di samping itu Pegawai-pegawai Imigresen, Kastam dan juga MAS telah ditempatkan di kawasan-kawasan tertentu, untuk mengawal serta memastikan supaya penumpang-penumpang menggunakan Balai Ketibaan yang berkenaan.

Langkah-langkah keselamatan tambahan juga diambil apabila terdapat pesawat penerbangan antarabangsa tiba. Di waktu itu Pegawai-pegawai Keselamatan ditempatkan di Pintu Masuk ke Balai Tiba Dalam Negeri bagi tujuan mencegah penumpang-penumpang antarabangsa dari menyalahgunakan balai yang berkenaan. Di dalam keadaan yang mana tidak ada penerbangan dalam negeri tiba, Pintu Keluar Balai Tiba Dalam Negeri

adalah sentiasa dikunci bagi mengelakkan penumpang-penumpang antarabangsa menggunakan Balai Tiba Dalam Negeri.

Kementerian saya akan terus mengawasi perjalanan dan kedudukan sistem aliran penumpang ini dan mengambil tindakan dari masa ke semasa bagi memperketatkan lagi kawalan tersebut dan juga bagi memperbaikinya jika didapati perlu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sampai bilakah susunan-susunan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi untuk jangka masa berapa tahun. Makna saya, bilakah akan tambah susunan ini?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, saya telah mengatakan bahawa perjalanan yang berlaku pada masa ini dikaji dari masa ke semasa dan jika perlu, diperbaiki. Jadi kalau perlu dibaiki dalam tempoh satu tahun akan diperbaiki ataupun kalau keadaan memuaskan sehingga 5 atau 10 tahun atau seterusnya. Jadi tak dapatlah kita hendak menetapkan masanya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang penghabisan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Yang Pengangkutan, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kalau penumpang antarabangsa melalui Gate 8, 9, 10 sampai 14, ia akan melalui tempat rihat bagi penumpang-penumpang dalam negeri untuk pergi ke tempat ketibaan antarabangsa. Kalau ada penumpang antarabangsa ini berniat untuk masuk ke negara kita tanpa menggunakan passport, dia boleh singgah di situ, duduk dalam beberapa minit, apabila orang semua sudah habis, dia boleh

amalan seperti ini dibuat di tempat-tempat lain, cuma di Kuala Lumpur sahaja tidak ada?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, lain tempat lain masalahnya, lain untuk menyelesaikan caranya. Ada masa kalau kita gunakan lampu isyarat kalau jalan itu cuma satu hala sahaja yang sebuk pada satu ketika dan pada satu ketika lain pula mungkin yang lain hala pula yang sebuk, mungkin keadaan itu tidak boleh menyelesaikan masalah. Tetapi banyak tempat sekarang ini digunakan sama ada bulatan ataupun lampu isyarat, kuasa yang menyelesaikan keadaan ialah tenaga angkatan polis lalulintas. Tetapi untuk menyelesaikan keadaan ini tidak ada cara lain melainkan dengan cara membina interchange yang sedang dibuat di beberapa tempat di mana kita dapat mengadakan kewangan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya apakah projek-projek yang dibuat ini merupakan satu perancangan yang lama oleh Kementerian ini yang merupakan tanggungjawab Kementerian ini, ataupun adakah projek ini dibuat kerana dapat permintaan daripada wakil dari Kepong?

Tuan Yang Dipertua: Soalan kedua itu jangan dijawab, soalan pertama boleh dijawab.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan ada jawatankuasa untuk mengawasi keadaan lalulintas dan jawatankuasa ini membuat perancangan-perancangan tertentu dan secara bebas yang telah lama dirancang dan permohonan-permohonan juga diambil kira bahkan permohonan-permohonan telah dibuat beberapa lama dahulu barulah dapat kita melaksanakan kerja-kerja ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Nampaknya kesedaran Timbalan Menteri kurang cukup, tak cukup kerana memandangkan tiap-tiap empat tahun bilangan kereta yang bertambah 100% dan dengan apa yang dikatakan pembaikan melebarkan jalan itu ialah hasilnya kurang memuaskan kerana di dalam.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat tidak boleh berhujah, Yang Berhormat boleh bertanya pertanyaan tambahan. Sila bertanya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, keadaan mendesak yang begitu, bolehkah Timbalan Menteri menjamin bahawa projek persimpangan bertingkat itu dijalankan dan dilaksanakan dengan cepat.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, sudah pun dijawab.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ting Ling Kiew.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Ting Ling Kiew tidak hadir)

KESATUAN-KESATUAN DALAM SYARIKAT— JUMLAH

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah permohonan yang diterima setakat ini untuk menubuhkan kesatuan-kesatuan dalam syarikat dan jumlah anggota yang terlibat; dan
- (b) sama ada satu kajian telah dijalankan untuk memperolehi pendapat kesatuan-kesatuan sekerja tentang hasrat Kerajaan untuk memperkenalkan konsep kesatuan dalam syarikat.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab bahagian (a) pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, jumlah kesatuan sekerja dalam syarikat (in-house union) yang telah memohon untuk pendaftaran sejak 1hb Januari, 1983 ialah sebanyak 13 buah dengan bakal keahliannya seramai 5,261 orang.

Bagi menjawab bahagian (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, konsep kesatuan sekerja dalam syarikat bukanlah satu perkara yang baru malahan ianya telah wujud sejak permulaan pergerakan kesatuan sekerja di negara kita. Setakat ini terdapat 170 buah kesatuan sekerja dalam syarikat termasuk kesatuan-kesatuan dalam sektor awam dan swasta yang telah didaftarkan dengan keahliannya seramai 150,373 orang dan di dapati kesatuan-kesatuan sekerja ini sedang berjalan dengan aktif. Oleh yang demikian, soal untuk mengadakan satu kajian untuk memperolehi pendapat kesatuan-kesatuan sekerja tentang konsep ini tidaklah perlu pada masa sekarang.

TIMBALAN PERDANA MENTERI—LAWATAN KE JEPUN

13. Tuan Mutang Tagal minta Perdana Menteri menyatakan kesan lawatan Timbalan Perdana Menteri beliau ke Jepun bulan Ogos dari segi perdagangan di antara Malaysia dan Jepun.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, sesungguhnya lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Jepun dari 23hb hingga 27hb Ogos yang lalu adalah merupakan satu langkah yang berhasil untuk merapatkan lagi persahabatan dan persefahaman antara Malaysia dan Jepun. Lawatan selama 5 hari itu telah

berjaya mendapatkan beberapa perakuan atau jaminan dari pihak Jepun termasuklah juga isu-isu yang berkaitan dengan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara sama ada di peringkat Kerajaan mahu pun sektor swasta.

Soal getah dan minyak kelapa sawit adalah antara isu-isu perdagangan yang telah dibincangkan. Pihak Jepun memberi perakuan akan mengimport lebih banyak lagi getah bermutu tinggi dari Malaysia sebaik sahaja kemelesetan ekonominya dapat dipulihkan. Sementara mengenai minyak kelapa sawit pula pihak Jepun memberi perakuan akan menambahkan importnya ke atas bahan ini. Di samping itu Jepun juga akan membawa isu minyak kelapa sawit ini ke mesyuarat Tariff Councilnya pada bulan Disember ini untuk dibincangkan kemungkinan menurunkan duti impot ke atas bahan ini.

Di peringkat swasta pula lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini juga telah dapat merapatkan hubungan dan persefahaman yang lebih erat antara kedua-dua pihak. Di samping itu pelabur-pelabur Jepun juga akan terus digalakkan melabur di Malaysia terutamanya di dalam sektor industri sederhana.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Luar Negeri sejak kita memandang ke Timur iaitu ke Jepun adakah barang-barang dagangan kita seperti minyak kelapa sawit, getah dan sebagainya dijual ke Jepun sahaja, tidak ke negara-negara lain ataupun sebilangan besar kita jual kepada Jepun sahaja dan sedikit kepada negara-negara lain ataupun jualan-jualan itu seperti biasa.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, memanglah pihak Jepun banyak membeli bahan keluaran kita seperti getah dan minyak kelapa sawit tetapi kita juga menjual kepada negara-negara lain seperti European Common Market dan juga Amerika Syarikat.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 8, 11, 14 hingga 22 adalah diberi di bawah ini)

FELDA—TANAMAN GETAH KEPADA KELAPA SAWIT

2. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar terdapat bantahan terhadap rancangan menggantikan tanaman getah dengan kelapa sawit di beberapa rancangan FELDA. Jika benar, apakah sebab-sebab bantahan ini. Apakah langkah-langkah untuk menyelesaikannya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): FELDA akan melaksanakan tanaman semula di 3 buah rancangan meliputi kawasan seluas 1,771 hektar dalam tahun 1983. Rancangan-rancangan tersebut ialah Bukit Tembaga di Kedah, Sendayan di Negeri Sembilan dan Chalok di Terengganu. Tanaman asal di ketiga-tiga buah rancangan ini ialah getah.

FELDA mengkaji kesesuaian tanah di satu-satu rancangan sebelum menentukan jenis tanaman yang patut ditanam semula. Di rancangan-rancangan yang didapati sesuai untuk ditanam semula dengan sawit, FELDA telah mengesyorkan kepada peneroka untuk menanam semula dengan sawit oleh kerana tanaman ini mengeluarkan

hasil dalam jangka masa yang lebih pendek daripada tanaman getah. Penghasilan dan pendapatan daripada tanaman sawit adalah juga didapati lebih memuaskan.

Bagaimanapun FELDA cuma akan menanam semula dengan tanaman yang dipersetujui oleh peneroka-peneroka sendiri dan terpulangnya kepada peneroka-peneroka untuk membuat keputusan mengenai jenis tanaman yang akan ditanam semula. Malahan, peneroka-peneroka dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian Tanaman Semula untuk mendapatkan persetujuan mereka sebelum kerja-kerja tanaman semula dilaksanakan oleh FELDA.

FELDA Bukit Tembaga dan Sendayan akan ditanam semula dengan getah. Bagi FELDA Chalok, sebahagian daripada peneroka berkehendakkan tanah-tanah mereka itu ditanam semula dengan getah, manakala sebahagian lagi bersetuju ditanam dengan sawit. FELDA masih berbincang dengan peneroka bagi menentukan jenis tanaman yang akan ditanam di rancangan ini.

Adalah difahamkan bahawa di antara sebab-sebab yang peneroka-peneroka tidak bersetuju tanah mereka itu ditanam dengan sawit ialah kerana mereka bimbang hakmilik yang dikeluarkan kepada mereka secara individu akan diubahkan kepada hakmilik secara kumpulan apabila tanah mereka ditanam semula dengan sawit. FELDA telah memberikan jaminan bahawa hakmilik secara individu akan dikekalkan sungguhpun tanah mereka ditanam semula dengan sawit. Selain daripada itu, oleh kerana tanaman yang diusahakan oleh peneroka-peneroka yang berkenaan selama ini ialah getah, mereka berpendapat adalah lebih senang bagi mereka mengusahakan tanaman getah daripada tanaman sawit.

UNIVERSITI DI SARAWAK

8. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menyahut seruan rakyat Sarawak supaya ditubuhkan sebuah universiti penuh di Negeri Sarawak supaya dapat meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi di negeri tersebut sebagai satu pra-syarat untuk integrasi serantau antara negeri-negeri Timur dengan Semenanjung Malaysia.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk menubuhkan sebuah Universiti penuh di Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, ketika ini Kerajaan telah pun menubuhkan Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Kampus Cawangan Institut Teknologi MARA di negeri tersebut. Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) ini boleh dijadikan nukleus kepada pembangunan sebuah Universiti penuh di Negeri Sarawak apabila masanya tiba nanti.

MNLG MENGADAKAN PUSAT REKREASI

11. Tuan Ting Ling Kiew minta Perdana Menteri menyatakan adakah MLNG bercadang untuk mengadakan Pusat Rekreasi untuk penduduk-penduduk di Bintulu.

Datuk Dr James P. Ongkili: MLNG telah pun mengadakan Kelab Kidurong yang mempunyai kelengkapan-kelengkapan seperti kolam-kolam renang, gelanggang-gelanggang tenis, bulu tangkis dan squash, serta kelengkapan-kelengkapan untuk permainan-permainan dalam bangunan yang lain dan juga restoran-restoran. Kelengkapan-kelengkapan ini terbuka kepada semua kakitangan MLNG dan syarikat-syarikat yang bersekutu

dengan PETRONAS serta penduduk di Bintulu yang telah menjadi ahli kelab ini.

MLNG juga mempunyai rancangan untuk mengadakan kelengkapan-kelengkapan yang lain seperti padang bolasepak dan juga trek lumba lari. Untuk tujuan-tujuan ini MLNG telah menemui Perbadanan Pembangunan Bintulu untuk mendapatkan tapak tanah yang sesuai tetapi hingga kini masih lagi menunggu jawapan dari pihak tersebut.

KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH—KEGIATAN

14. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian melalui Koperasi Pembangunan Daerah bagi mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan pada daerah-daerah yang diiktiraf sebagai miskin. Adakah Kementerian bercadang untuk mengembangkan kegiatan Koperasi Pembangunan Daerah kesemua daerah-daerah di Negara ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Tujuan utama Koperasi Pembangunan Daerah dari segi ekonomi ialah untuk menghidupkan kembali semangat gotong-royong di kalangan masyarakat tempatan. Dari segi kemasyarakatan pula Koperasi ini bertujuan untuk melahirkan semangat perpaduan di kalangan berbilang kaum. Menerusi KPD, tenaga rakyat akan digembelingkan dalam kegiatan-kegiatan pembangunan bagi melaksanakan sesuatu projek dan memajukan taraf sosio-ekonomi mereka. Pada tiap-tiap tahun Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit di dalam sesuatu daerah bagi melaksanakan projek-projek pembangunan seperti pembinaan

jalan-jalan luar bandar, membina dan membersihkan parit-parit dan taliair serta lain-lain lagi projek untuk memenuhi keperluan asas rakyat. Adalah dijangkakan menerusi KPD, sebahagian dari projek-projek ini akan diusahakan dan dikendalikan secara gotong-royong oleh masyarakat tempatan. Melalui KPD juga adalah diharapkan sebahagian dari projek-projek Kerajaan bagi memajukan sesebuah daerah akan dapat dikendalikan oleh rakyat secara terus menerus dalam semua bidang.

Sebagaimana koperasi lain, KPD ini adalah ditubuhkan dari inspirasi masyarakat sendiri berpandukan kepada prinsip-prinsip koperasi. Namun demikian, sebagai printis dan 'catalyst', pihak Kerajaan akan mengambil inisiatif untuk mendorong dan memandu masyarakat ke arah penubuhan KPD tersebut. Sebagai langkah awal, Koperasi ini akan ditadbirkan bersama oleh rakyat dan Kerajaan. Ini adalah untuk menentukan kejayaan serta mengelakkan dari sebarang penyelewengan yang mungkin timbul di dalam pentadbiran Koperasi. Oleh yang demikian, golongan-golongan yang berpengaruh di dalam masyarakat berkenaan perlu melibatkan diri dalam Koperasi ini.

Koperasi Pembangunan Daerah ini akan digabungkan di peringkat nasional dalam Koperasi Pembangunan Negara. Tujuannya adalah untuk menyelaras kegiatan-kegiatan dan mengadakan kemudahan-kemudahan kepada KPD.

Adalah menjadi hasrat Kementerian ini memperkembangkan lagi Koperasi-koperasi Pembangunan Daerah ke setiap negeri di Semenanjung Malaysia terutamanya di negeri-negeri yang belum ada KPD. Pada peringkat ini Kementerian telah pun mewujudkan 6 buah KPD dalam 6 buah daerah

sebagai projek perintis. Sebanyak 6 lagi akan ditubuhkan menjelang akhir tahun ini supaya kegiatan KPD ini akan meliputi sekurang-kurangnya satu daerah dalam tiap-tiap negeri. Buat masa ini Kementerian belum bercadang akan menubuhkan KPD dalam semua daerah.

HARTA/TANAH MAJUTERNAK

15. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pertanian apa telah terjadi kepada harta-harta dan tanah-tanah yang dipegang dahulu oleh MAJUTERNAK. Adakah cadangan bagi pengswastaan kebun-kebun menternak itu?

Dr Goh Cheng Teik: Harta-harta dan tanah-tanah yang dimiliki dahulu oleh MAJUTERNAK iaitu, dalam bentuk ladang-ladang ternakan dan rumah-rumah sembelihan telah dipindahkan ke Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk melaksanakan aktiviti pembangunan sektor ternakan, kecuali Ladang Ternakan Sg. Karabungan, Miri dan Rumah Sembelihan di Kuching yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Harta-harta lain seperti, kenderaan, tanah-tanah selain daripada ladang sedang diselenggarakan oleh Kementerian Pertanian.

Ladang-ladang ternakan sedang dipergiat untuk pembiakan lembu-lembu bagi tumpuan membekalkan ternakan yang bermutu kepada rancangan penternak kecil di seluruh negara.

Mengenai pengswastaan semua atau sebahagian daripada ladang-ladang tersebut, Kementerian Pertanian sedang mengkaji perkara ini dengan teliti. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya pihak swasta menceburkan diri dalam perusahaan ternakan secara besar-besaran.

GURU-GURU—BAYARAN TUNGGAKAN GAJI

16. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah selalu berlakunya kelewatan membayar tunggakan gaji guru-guru dan bayaran-bayaran penyeliaan peperiksaan seperti Peperiksaan Penilaian Darjah Lima, SRP dan STP dan juga bayaran-bayaran menanda kertas-kertas peperiksaan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha menjelaskan tanggungannya dalam tempoh yang wajar. tetapi dalam keadaan ekonomi negara sekarang, peruntukan yang diluluskan untuk Kementerian Pelajaran adalah hanya mencukupi bagi menampung tanggungan semasa, iaitu termasuk emolumen bagi tahun 1983 sahaja. Oleh kerana pembayaran tunggakan gaji meliputi bayaran bagi beberapa tahun kebelakangan yang melibatkan implikasi kewangan yang besar, maka tindakan sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memperolehi tambahan peruntukan bagi menampung perbelanjaan yang di luar jangka ini, sebelum pembayaran dapat diuruskan.

Berhubung dengan bayaran penyeliaan peperiksaan, pada keseluruhannya tempoh masa bagi urusan pembayaran kepada Pengawas dan Pemeriksa telah dapat dipercepatkan dalam setahun dua ini hasil daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran. Walaupun demikian, memang ada terdapat kes-kes tertentu di mana pembayaran telah kelewatan.

Di antara sebab-sebab yang boleh melambatkan pembayaran ialah:

- (i) Bilangan calon telah meningkat berlipat ganda;

- (ii) Kelewatan penerimaan daripada pihak-pihak yang berkenaan borang-borang tuntutan oleh Jabatan-jabatan Pelajaran/Lembaga Peperiksaan;

- (iii) Pemberian butir-butir yang tidak lengkap atau salah yang memerlukan penyiasatan lanjut;

- (iv) Kesesakan disebabkan bilangan tuntutan yang banyak yang datang pada satu masa bagi pelbagai jenis peperiksaan.

Masalah kelewatan penerimaan tuntutan dan kesalahan pemberian butir-butir akan terus cuba diatasi dengan pemberian penerangan yang jelas dan teliti kepada pengawas-pengawas dan pemeriksa-pemeriksa yang terlibat. Untuk mengatasi masalah yang timbul disebabkan kesesakan bilangan tuntutan yang perlu dihadapi, langkah telah diambil mengagihkan urusan pembayaran supaya bayaran untuk kerja pengawasan diuruskan oleh Jabatan Pelajaran Negeri sementara Lembaga Peperiksaan akan bertanggungjawab secara langsung bagi pembayaran pemeriksa. Adalah dijangka pembayaran-pembayaran bagi peperiksaan-peperiksaan akan datang akan dapat diuruskan dalam kadar masa yang lebih singkat lagi.

TANAMAN POKOK DI HUTAN-HUTAN

17. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan yang diambil untuk menanam pokok-pokok di hutan-hutan yang telah dibersihkan;

(b) adakah Kerajaan mengadakan satu rancangan komprehensif untuk penghutanan; jika ada, apakah langkah-langkah untuk menentukan pelaksanaan rancangan ini dan setakat ini dalam peringkat apa kejayaannya.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Saya suka memaklumkan bahawa jawapan telah diberi kepada soalan yang sama pada 16 Mac 1983.

DASAR EKONOMI BARU— LANJUTAN MASA

18. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Dasar Ekonomi Baru (NEP) akan dilanjutkan sehingga selepas tahun 1990 dan jika ya, dalam keadaan apakah perlanjutan ini akan dilakukan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Jawapan yang sama telah pun diberikan kepada pertanyaan yang telah dikemukakan oleh wakil dari Jelutong pada 12-10-1983 yang lalu. Dengan itu saya tidak bercadang untuk memberikan jangkaan terbaharu kepada soalan ini.

PERUNTUKAN PERJALANAN DAN PENGANGKUTAN DIPOTONG

19. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa oleh kerana potongan atas peruntukan untuk perjalanan dan pengangkutan kepada Jabatan Perubatan di Sarawak, rawatan perubatan kepada penduduk-penduduk di luar bandar telah dikurangkan lebih kurang separuh dan keadaan begini memanglah tidak memuaskan kerana kesihatan penduduk-penduduk luar bandar tetap terjejas. Apakah tindakan-tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan peruntukan perjalanan

dan pengangkutan bagi Jabatan Perubatan di Sarawak memandangkan betapa pentingnya perkhidmatan perubatan bergerak atau "mobile medical services" kepada penduduk-penduduk di luar bandar di Negeri Sarawak.

Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian): Sesungguhnya Kementerian Kesihatan memang sedar tentang masalah kekurangan peruntukan untuk maksud perjalanan dan pengangkutan bagi program kesihatan di Negeri Sarawak. Bukan Negeri Sarawak sahaja yang mengalami masalah ini, malahan seluruh negara menghadapi masalah yang sama. Ini bukanlah disengajakan tetapi terpaksa dilakukan selaras dengan pengurangan peruntukan yang dialami oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 1983 ini akibat dari kemelesetan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah pun mengkaji secara mendalam tentang masalah yang dihadapi oleh Negeri Sarawak terutamanya tentang pelaksanaan perkhidmatan perubatan bergerak kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Diasaskan di atas kajian ini, tindakan-tindakan sewajarnya telah pun diambil iaitu:

- (i) Peruntukan tambahan sebanyak \$800,000 telah pun diluluskan untuk menampung keperluan perjalanan dan pengangkutan kakitangan-kakitangan yang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada penduduk-penduduk luar bandar khususnya. Sejumlah \$500,000 telah pun diberi pada awal bulan Jun lagi dan \$300,000 lagi telah ditambahkan pada awal bulan September ini. Jumlah ini, saya percaya adalah mencukupi untuk menentukan yang mutu

perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada penduduk-penduduk luar bandar di negeri ini tidak terjejas dan akan berterusan.

- (ii) Di samping itu Kementerian saya juga sedang mengusahakan strategi-strategi lain untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada rakyat Sarawak, terutamanya di kawasan-kawasan yang terpencil. Satu di antara strategi ini ialah dengan adanya Rancangan "Primary Health Care" atau "Rawatan Kesihatan Asas" yang sedang dirancang dan dilaksanakan bersama-sama dengan WHO. Di bawah rancangan ini pemaju-pemaju kesihatan masyarakat ataupun "Village Health Promoters" sedang dan akan diberi latihan untuk membolehkan mereka memberi perkhidmatan kesihatan asas dan rawatan kecemasan kepada masyarakat kampung. Dengan cara ini, perkhidmatan kesihatan boleh didapati secara berterusan bagi menampung masa menunggu kedatangan pasukan-pasukan perubatan bergerak.

UNIVERSITI KEENAM— PEMBINAAN

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada rancangan membina Universiti Keenam akan dilaksanakan di Kedah. Jika ya, adakah ini wajar, memandangkan kelima-lima buah universiti yang sedia ada di Malaysia adalah juga terletak di Pantai Barat Semenanjung? Apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk mengadakan universiti tersebut di Kedah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Universiti Keenam adalah dirancang untuk ditempatkan di Negeri Kedah. Rancangan memilih Negeri Kedah sebagai tapaknya adalah selaras dengan dasar Kerajaan mengimbangkan penaburan institusi-institusi pelajaran tinggi dan kampus-kampus cawangan di serata tanahair, umpamanya Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ditempatkan di Johor, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dirancang untuk ditempatkan di Pahang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Selangor dan Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) di Sarawak dan Kampus Cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia di Sabah, Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Akademik Islam Universiti Malaya (UM) di Kelantan.

Penempatan Universiti Keenam di Negeri Kedah adalah satu langkah yang strategik sebagai usaha untuk membangunkan satu wilayah yang masih belum maju.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

21. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau menerima hakikat bahawa kebudayaan rakyat Malaysia keturunan China adalah menjadi sebahagian Kebudayaan Malaysia yang tidak boleh diasingkan, jika ya, sama ada Kementeriannya akan membuat satu kajian yang lebih menyeluruh terhadap memorandum Kebudayaan Persatuan-persatuan masyarakat kaum China dan menerimanya; dan sebaliknya, apakah cara penyelesaian kerajaan terhadap bahagian-bahagian kebudayaan rakyat Malaysia keturunan China yang tidak diterima dan diresapi ke dalam Kebudayaan Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Adalah tidak mustahil bagi unsur-unsur kebudayaan rakyat Malaysia keturunan China dan keturunan-keturunan lain menjadi sebahagian daripada ciri-ciri Kebudayaan Kebangsaan. Ini adalah suatu hakikat yang diakui. Akan tetapi proses ini hanya boleh berlaku jika sekiranya unsur-unsur itu sudah menjadi nilai kaum yang dominan serta boleh diterima dan diamalkan oleh semua rakyat. Kerana itulah Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji bagaimana unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar itu dapat diperkembang bagi diserapkan dalam pembinaan Kebudayaan Kebangsaan. Ini termasuklah mengkaji syor-syor yang membina di dalam memorandum yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan masyarakat China baru-baru ini yang tidak menyentuh soal-soal "Dasar".

Mengenai unsur-unsur yang tidak harus diketengahkan ketaraf kebangsaan, termasuk unsur-unsur dari Kebudayaan Rakyat Asal sendiri bolehlah dikekalkan menjadi amalan dan tradisi pada peringkat kaum atau sukuan sahaja. Ini adalah hak mereka yang telah ditentukan oleh Perlembagaan Negara dan Prinsip Rukunegara yang menjamin hak-hak asasi semua rakyat.

ISA DALAM LAPORAN ASIA WEEK

22. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menerangkan dengan lebih lanjut apa yang beliau maksudkan apabila beliau menyatakan kepada Asia Week baru-baru ini bahawa "Kami masih lagi mengkaji bahagian manakah yang buruk dalam ISA dan kami hanya nampak sedikit sahaja," sedangkan ISA nyata mengandungi peruntukan-peruntukan bagi tahanan

tanpa perbicaraan, hukuman mati yang wajib, dan perkara ini bercanggah dengan prinsip-prinsip hak-hak asasi sedunia.

Dato Musa Hitam: Keadaan keselamatan negara adalah terkawal. Namun begitu, kita masih menghadapi ancaman-ancaman dari anasir-anasir komunis militant, kumpulan subversif dan anasir-anasir anti nasional. Ini adalah kenyataan yang mesti diterima, oleh setiap rakyat yang cintakan keamanan.

Keadaan keselamatan negara yang kita nikmati sekarang ialah hasil dari kecekapan pasukan keselamatan, penglibatan keseluruhan rakyat dan juga dengan adanya, Akta Keselamatan Dalam Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuh Akta tersebut. Peruntukan-peruntukan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak sepatutnya menimbulkan sebarang keraguan atau kebimbangan kepada mana-mana pihak.

Penguatkuasaan undang-undang ini adalah berasaskan kepada sikap liberalisma Kerajaan pimpinan YAB. Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Apa yang dimaksudkan oleh YAB Perdana Menteri dengan kenyataan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong, ialah peruntukan-peruntukan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri yang buruk atau dengan izin "repugnant" adalah terlalu sedikit.

Sebaliknya, manfaat yang dinikmati dengan adanya Akta itu adalah terlalu besar, yang membolehkan rakyat negara ini hidup dalam keadaan yang penuh ketenteraman dan keselamatan pada masa ini.

USUL-USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN
URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN
MESYUARAT**

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan di bawah proviso kepada Peraturan Mesyuarat 12 iaitu apabila tamat mesyuarat hari ini Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok Hari Jumaat, 21hb Oktober, 1983.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan di bawah proviso kepada Peraturan Mesyuarat 12 iaitu apabila tamat mesyuarat hari ini Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok Hari Jumaat, 21hb Oktober, 1983.

AKTA KASTAM 1967

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen kecil (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1983
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1983

(iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1983

(iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1983

(v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1983

(vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1983

(vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1983

(viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1983

(ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1983

(x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1983

(xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1983

(xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1983

(xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1983

(xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1983

(xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1983

(xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1983

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut Bil. 245 hingga 253 dan Bil. 258 hingga 264 tahun 1983 disahkan.

Tuan Yang Dipertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27), 1983 adalah bertujuan untuk mengenakan duti impot 25% ke atas roda untuk treler di bawah kod yang baru iaitu 87 12 920. Pada DR. 20-10-83a untuk treler yang jatuh di bawah kod 87 14 990 tidak tertakluk sebarang duti. Roda untuk trak yang di bawah kod 87 06 990 berduti 25%. Tujuan mengenakan duti ke atas roda untuk treler sama dengan trak ialah untuk mengelakkan kemungkinan pihak pengimpot melarikan cukai oleh

kerana kedua-dua jenis roda tersebut mempunyai, dengan izin, physical characteristic yang hampir sama.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28), 1983 adalah bertujuan menaikkan duti import atas rokok daripada \$60 sekg. kepada \$80 sekg. dan duti ke atas "cut rags" daripada \$50 sekg. kepada \$65 sekg. Perubahan duti import atas rokok dan tembakau "cut-rags" ini dibuat bagi tujuan mewujudkan struktur tarif yang lebih progresif serta memberi perlindungan yang lebih kepada industri tembakau tempatan yang sedang diancam oleh rokok-rokok yang diimport ke negara ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29), 1983 adalah bertujuan mewujudkan satu kod tarif bagi "Natural Barium Sulphate". Pada ketika ini Natural Barium Sulphate ini adalah terjatuh di bawah kod tarif 25.11. Pengasingan ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada Natural Barium Sulphate yang sedang dikeluarkan oleh syarikat tempatan. Perlindungan yang diberi ialah dalam bentuk perlesenan import. Dengan pengasingan ini perlindungan yang diberikan tidak meliputi lain-lain bahan yang tidak dikeluarkan di negara ini tetapi di bawah kod tarif yang sama sahaja.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30), 1983 adalah bertujuan memberi perlindungan tarif tambahan ke atas "disposable diapers" di bawah No. Kepala Tarif 48.21 420 dengan menaikkan duti import dari 20% kepada 30%. Perlindungan ini adalah bertujuan membantu pengeluar-pengeluar tempatan. Kenaikan duti ke atas barang ini tidaklah membebankan kerana barang ini adalah pada biasanya digunakan oleh golongan yang mampu atau mereka yang berpendapatan tinggi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31), 1983 adalah bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas "pistons and cylinder liners" di bawah kod tarif 84.06 720 dan 84.06 370 daripada 25% kepada 30%. Kenaikan duti import ini adalah berikutan dengan langkah Kerajaan memansuhkan kawalan import ke atas "pistons and cylinder liners".

Walaupun perlindungan bukan tarif didapati boleh dimansuhkan kerana ia telah lama dikenakan iaitu semenjak 1976 tetapi industri ini masih lagi memerlukan perlindungan tarif. Kenaikan duti import tersebut merupakan perlindungan tarif yang perlu dikenakan ke atas industri ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32), 1983 adalah bertujuan untuk mengelaskan semula kod tarif bagi "roller chain" di bawah No. Kepala Tarif 73.29 300 kepada Kepala Tarif 73.29 310 dan 73.29 910.

Pengkelasan semula ini adalah bertujuan untuk mengemaskan perjenisan keluaran ini supaya dapat mengatasi perbuatan di kalangan pengimport-pengimport membuat ikrar import yang tidak betul dengan tujuan cuba mengelak dari duti import. Perbuatan ini boleh menjejaskan pengusaha tempatan dalam industri ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33), 1983 adalah bertujuan:

- (i) memansuhkan keutamaan tarif di bawah "Commonwealth Preference" yang diberi oleh Malaysia kepada semua negara seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah Duti Kastam 1968, kecuali Australia dan New Zealand;
- (ii) menghadkan keutamaan tarif kepada Australia dan New Zealand ke atas barang-barang yang diperuntukkan di bawah

perjanjian-perjanjian perdagangan antara Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut sahaja dengan memotong 7 jenis barang yang selama ini ditawarkan sebagai 'Commonwealth Preference'; dan

- (iii) meminda kadar-kadar keutamaan untuk Australia dan New Zealand bagi 6 jenis barang agar selaras dengan kehendak perjanjian-perjanjian perdagangan berkenaan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34), 1983 adalah bertujuan menghapuskan duti import 30% dan cukai tokok 5% atas bahan-bahan minyak wangi. Penghapusan ini dibuat bagi membolehkan pengilang-pengilang minyak wangi tempatan bertanding dengan minyak wangi yang diimport yang mana semua cukainya telah dihapuskan di dalam Belanjawan 1983 yang lalu.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35), 1983 adalah bertujuan menghapuskan duti import atas "unrecorded computer discs". Pada masa lalu "unrecorded computer discs" tertakluk kepada 45% duti import, manakala "recorded computer discs" tidak dikenakan duti import. Penghapusan duti ini dibuat bagi menyamakan kedudukan "unrecorded computer discs" dengan "recorded computer discs" yang mana telah pun dihapuskan dahulunya pada 2hb Disember, 1982 yang lalu.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36), 1983 adalah bertujuan untuk memberi perlindungan tarif ke atas beehoon yang terjatuh di bawah kepala tarif 14.03 100. Perlindungan tarif sebanyak 20 sen sekg. adalah bertujuan untuk memberi bantuan kepada pengeluar-pengeluar tempatan bersaing dengan import yang kian meningkat. Perlindungan tarif yang

agak rendah ini dan persaingan di antara sesama pengeluar-pengeluar tempatan adalah dirasakan tidak akan membebankan pengguna-pengguna dari segi kenaikan harga.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37), 1983 adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan tarif sebanyak 25% ke atas "wheelbarrow" dan "parts" yang terjatuh di bawah kod tarif 187.14 300 dan 87.14 800. Perlindungan tarif ini adalah untuk memberikan perlindungan kepada pekilang tempatan yang mengeluarkan "wheelbarrows". Pekilang-pekilang tempatan mempunyai daya pengeluaran yang mampu untuk memenuhi semua permintaan tempatan. Dari segi mutu, keluaran tempatan mempunyai kualiti yang boleh dikatakan setanding dengan wheelbarrow-wheelbarrow.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38), 1983 adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan tarif tambahan ke atas carters and wheels yang terjatuh di bawah kod tarif 40.11 912 dan 83.02 320 dengan mengenakan duti spesifik sebanyak \$1.30 sen sekg. Perlindungan tarif tambahan ini adalah bertujuan untuk membantu pekilang tempatan yang mengeluarkan "carters and wheels" yang menghadapi persaingan dari import.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39), 1983 adalah bertujuan untuk menghapuskan 10% duti eksport atas dedak kelapa yang diperjeniskan di bawah kod tarif 23.04 700. Penghapusan duti eksport ini perlu bagi membolehkan bahan tersebut bertanding di pasaran antarabangsa. Permintaan untuk keluaran ini di pasaran tempatan telah berkurangan kerana mendapat tentangan daripada "soya bean meal" yang dikeluarkan oleh dua buah kilang soya bean di negara ini. Oleh itu keluaran ini perlulah dieksportkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1983 adalah bertujuan untuk menaikkan duti import ke atas:

(1) "Unglazed tiles" dengan izin Tuan Yang Dipertua, di bawah No. Kepala Tarif 69.07 100 daripada 20% *ad valorem* atau \$70.86 se tan, yang mana lebih tinggi kepada 25% *ad valorem* atau 50 sen se kg., yang mana lebih tinggi; dan

(2) "glazed tiles" di bawah No. Kepala Tarif 69.08 100 daripada 25% *ad valorem* atau 33 sen se kg., yang mana lebih tinggi kepada 25% *ad valorem* atau 60 sen se kg., yang mana lebih tinggi.

Duti import yang lebih tinggi dikenakan adalah untuk melindungi perusahaan dalam negara ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1983 adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan tarif tambahan ke atas "leaf spring" yang terjatuh di bawah kod tarif 73.35 100 yang menghadapi persaingan yang hebat dari pengimport. Duti spesifik 70 sen se kg. ke atas "leaf spring" digantikan duti import sebanyak 35% ataupun \$1.00 se kg yang mana lebih tinggi. Pengeluar tempatan mampu mengeluarkan "leaf spring" yang bermutu tinggi setanding dengan import dan dapat membekalkan seluruh permintaan di dalam negeri ini. Perlindungan tarif ini akan disemak semula dari sama kesemua untuk menganalisa supaya kepentingan para pengguna tidak diketepikan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42), 1983 adalah bertujuan untuk menaikkan "iodine value" bagi stearin 46 maksima kepada 48 maksima. Langkah ini adalah supaya memudahkan pengeksport-engeksport minyak sawit yang bertapis dan memasarkan "soft stearin" yang mempunyai "iodine value" yang tinggi daripada 46. Dengan menaikkan "iodine value" ini ke-48, stearin bolehlah bersaing

dengan minyak seperti "soya bean", "rape seed" dan "tallow" di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan seperti di dalam Aturan Urusan Mesyuarat dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1983;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1983;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1983;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 30) 1983;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 31) 1983;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 32) 1983;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 33) 1983;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1983;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 35) 1983;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 36) 1983;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 37) 1983;

- (xii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 38) 1983;
- (xiii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 39) 1983;
- (xiv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 40) 1983;
- (xv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 41) 1983;
- (xvi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 42) 1983;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 245, 246, 247, 248, 249, 250, 251, 252, 253 dan 258, 259, 260, 261, 262, 263 dan 264 Tahun 1983 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MANUVER TENTERA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.55 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk menyatukan undang-undang berhubung dengan Manuver Tentera dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, pada masa sekarang ini terdapat tiga undang-undang berkenaan Manuver Tentera di Malaysia seperti berikut:

- (a) Enakmen Manuver Tentera Negeri-negeri Melayu Bersekutu (N.M.B. BAB 43) Tahun 1905 dan Ordinan Manuver Tentera Negeri-negeri Selat;
- (b) Ordinan Manuver Tentera Sarawak (BAB 23) Tahun 1941; dan

- (c) Enakmen Manuver Tentera Sabah (ENAKMEN SABAH 26/59) Tahun 1959;

Tuan Yang Dipertua, Enakmen Manuver Tentera Negeri-negeri Melayu Bersekutu (N.M.B. BAB 43) telah dilanjutkan kepada negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia mulai dengan izin, Federal Statute Law Revision (General Provision) Act, 1965. Manakala Ordinan Manuver Tentera Sarawak (BAB 23) adalah bagi Negeri Sarawak dan Enakmen Manuver Tentera Sabah 1959 (No. 26/59) adalah bagi Negeri Sabah.

Tuan Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983 ini digubal adalah seperti berikut:

(a) untuk mewujudkan satu undang-undang sahaja mengenai manuver tentera bagi seluruh Malaysia.

(b) untuk membolehkan Pihak Berkuasa Negeri dirujuk dan dibawa berunding sebelum sesuatu perisytiharan manuver tentera dibuat.

(c) untuk memberi jangkamasa yang lebih panjang kepada tuanpunya tanah atau kawasan yang terlibat dengan manuver tentera membuat tuntutan pampasan.

Tuan Yang Dipertua, seperti yang dinyatakan tadi pada masa sekarang negara ini mempunyai tiga peruntukan undang-undang mengenai manuver yang berasingan dan hanya boleh digunakan di negeri-negeri tertentu sahaja, iaitu di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Oleh itu satu penyelarasan untuk menyeragamkan peruntukan undang-undang tersebut supaya wujud satu undang-undang sahaja mengenai manuver tentera bagi seluruh Malaysia adalah perlu dibuat, memandangkan Sabah dan Sarawak telah mencapai kemerdekaan mereka melalui Malaysia selama 20 tahun yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, dalam menjalankan sesuatu manuver tentera, persoalan mengenai tanah selalu ditimbulkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di mana ada Pihak Berkuasa Negeri yang agak sensitif kerana ianya melibatkan perkara tanah di negeri berkenaan. Sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, tanah menurut Jadual 9 Perlembagaan Malaysia adalah di bawah bidangkuasa negeri. Beberapa Pihak Berkuasa Negeri telah menyatakan rasa tidak puashati kerana selama ini mereka tidak dibawa berunding atau dirujuk dalam membuat perisytiharaan sesuatu kawasan manuver di satu-satu kawasan di dalam negeri berkenaan. Oleh itu perkara ini perlu diambil perhatian dan peruntukan perlu dibuat di mana Pihak Berkuasa Negeri akan dirujuk dan dibawa berunding sebelum sesuatu pengisytiharan ini dibuat.

Tuan Yang Dipertua, ada kawasan-kawasan di Malaysia yang masih menghadapi masalah dari segi perhubungan. Oleh itu satu jangkamasa yang bersesuaian perlulah diberi kepada tuan tanah atau kawasan yang terlibat dengan manuver tentera untuk membolehkan mereka membuat tuntutan pampasan dari Kerajaan.

Atas tujuan-tujuan dan dasar inilah Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983 digubal. Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983 ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan. Di antara peruntukan-peruntukan yang penting di dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Seksyen 3 memperuntukkan kuasa kepada Yang Dipertuan Agong, untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan untuk dijadikan kawasan Manuver Tentera selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri. Pengisytiharan ini akan dibuat melalui pemberitahu dalam warta.

Seksyen 4 memberi kuasa kepada Ketua Turus Angkatan Tentera untuk membenarkan apa-apa langkah atau tindakan yang menasabah diambil untuk membolehkan sesuatu manuver tentera itu dijalankan di kawasan yang telah ditetapkan.

Seksyen 5 dan 6 memperuntukkan tentang notis-notis yang perlu diberi kepada Kerajaan Negeri dan juga pihak individu yang tanahnya terlibat dengan Manuver Tentera. Kerajaan Negeri perlu diberi notis sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh sesuatu manuver itu akan dijalankan dan selepas diberi notis Kerajaan Negeri dikehendaki memaklumkan perkara ini kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menghebahkan perkara tersebut di kawasan manuver yang dicadangkan itu sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh permulaan manuver tentera. Walau bagaimanapun, jika manuver tentera itu melibatkan anggota kurang daripada 1,000 orang dan berlangsung tidak lebih daripada 48 jam maka notis-notis tidak perlu diberi.

Perkara-perkara yang boleh dilakukan di bawah Seksyen 7 dan 8 termasuklah lalu-lalang, berkhemah, mengambil bekalan air dari apa-apa sumber awam atau persendirian. Perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan di bawah Seksyen ini termasuklah tidak boleh mengganggu dan memasuki rumah-rumah persendirian, tempat sembahyang, sekolah, kilang, stor dan kawasan-kawasan bersampingannya. Pihak Angkatan Tentera juga tidak boleh mengambil air dari satu-satu sumber bekalan yang di luar daripada apa-apa yang telah ditetapkan untuknya. Juga tidak boleh melakukan manuver tentera atau latihan menembak di atas tanah atau kawasan yang menjadi

sebahagian atau sepenuhnya tempat tadahan bekalan air. Selepas sesuatu manuver tentera dilakukan, pihak tentera yang terlibat hendaklah mengembalikan bentuk kawasan-kawasan tersebut sedapat-dapatnya seperti keadaan atau kedudukan yang asalnya.

Peruntukan di Seksyen 9 adalah mengenai bentuk-bentuk kesalahan dalam masa manuver tentera berjalan dan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan.

Di bawah Seksyen 10 dan 11 diperuntukkan pampasan yang perlu dibayar oleh Kerajaan Persekutuan bagi apa-apa kerosakan kepada seorang yang membuat tuntutan atas harta atau gangguan kepada hak-hak atau keistimewaan yang bersangkutan dari penguatkuasaan mana-mana peruntukan Akta ini. Seksyen-seksyen ini juga memperuntukkan cara membuat tuntutan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tamatnya manuver yang berkaitan serta peraturan-peraturan dan syarat-syarat bayaran pampasan.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Peruntukan Seksyen 12 dan 13 adalah mengenai kuasa untuk membuat kaedah-kaedah dan hukuman bagi pelanggaran, yang terletak di tangan Majlis Angkatan Tentera. Tujuannya adalah untuk memastikan keselamatan orang ramai dalam masa satu-satu kawasan tembak itu digunakan bagi tujuan manuver tentera. Kuasa-kuasa ini termasuklah mengeluarkan semua orang yang tidak mengambil bahagian dalam manuver tentera di seluruh kawasan atau mana-mana bahagian kawasan tembak sedang dijalankan; mengawal kelakuan orang-orang yang dibenarkan berada di dalam kawasan tembak pada masa manuver tentera

sedang berjalan dan menetapkan perkara-perkara lain yang dikehendaki ditetapkan oleh Akta ini.

Seksyen ini juga menghendaki kaedah-kaedah itu diwartakan dan ditampal salinannya sekurang-kurangnya di tiga tempat yang mudah dilihat atau berhampiran kawasan tersebut. Langkah yang mencukupi juga perlu diambil untuk memberi amaran kepada orang ramai supaya tidak memasuki kawasan tersebut. Seksyen ini juga memperuntukkan hukuman yang boleh dikenakan kepada sesiapa yang melanggar kaedah-kaedah yang dibuat.

Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menegaskan bahawa sudah sampai masanya Malaysia, sebagai sebuah negara, mempunyai satu Undang-undang Manuver Tentera yang menyeluruh dan seragam bagi meliputi kesemua negeri-negeri di Malaysia di samping mengambil kira kepentingan-kepentingan Pihak Berkuasa Negeri dalam soal tanah dan tuan-tuanpunya tanah yang terlibat.

Sekian, Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menyatukan undang-undang berhubung dengan manuver tentera dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.04 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya suka membahaskan Rang Undang-undang Manuver Tentera, 1983 yang

baharu sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan menyatukan undang-undang berhubung dengan manuver tentera bagi Angkatan Tentera dan juga memberikan kuasa kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong untuk mengisytiharkan kawasan-kawasan yang sesuai dalam Malaysia untuk dijadikan kawasan manuver ataupun kawasan tembak. Rang Undang-undang ini juga bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Turus Angkatan Tentera untuk membenarkan latihan manuver dan latihan menembak dijalankan di dalam kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan.

Saya memperhatikan bahawa satu daripada Fasal dalam Rang Undang-undang ini ada menyatakan bahawa notis-notis akan diberikan kepada Kerajaan Negeri yang mana latihan ketenteraan akan dijalankan dan jika bilangan askar-askar yang mengambil bahagian melebihi 1,000 orang dan sebaliknya jika bilangan askar-askar yang mengambil bahagian kurang dari jumlah 1,000 orang maka tidak ada notis yang akan dikeluarkan, akan tetapi manuver tentera tidak boleh dijalankan melebihi tempoh 10 hari.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan pembayaran pampasan kepada mereka atau orang ramai yang mengalami kehilangan atau kerosakan harta-benda akibat dari manuver tentera tetapi tuntutan itu sepertimana yang disebut dalam Rang Undang-undang ini mestilah dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tamatnya manuver tentera.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat bahawa Kerajaan selain daripada apa yang disebutkan oleh

Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa masa telah tiba untuk perbincangan ataupun perundingan dengan Kerajaan Negeri dan memberitahu Kerajaan Negeri apabila satu manuver tentera diadakan dengan pemberian notis kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Tetapi di samping itu saya rasa bahawa pihak Kerajaan telah pun memberi satu masa yang penting untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini dan tujuan Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini adalah di dalam memandangkan keperluan pasukan Angkatan Tentera kita menjalani berbagai bentuk atau jenis latihan bagi melengkapkan diri untuk melawan musuh dalam apa jua keadaan.

Meskipun diakui hakikat bahawa adalah sesuai dan menasabah untuk suatu latihan dijalankan demi kepentingan keselamatan negara tetapi saya suka menggesa Kementerian Pertahanan supaya memastikan bahawa peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini dijalankan dengan adil dan tidak menimbulkan kesusahan dan kerosakan yang besar kepada semua mereka yang terlibat sekiranya sesuatu kawasan itu telah diisytiharkan sebagai kawasan menembak. Apa yang menjadi kebimbangan atau perhatian berat ialah kepada mereka yang mana tanahnya akan digunakan sebagai satu kawasan menembak sebagaimana yang terkandung dalam Fasal 4 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, kebimbangan mereka yang utama sekali ialah tempoh notis yang difikirkan singkat yang diberikan kepada mereka supaya mengosongkan tempat mereka untuk membolehkan latihan menembak dijalankan.

Misalnya, Tuan Yang Dipertua, di bawah Fasal 4 (c) ada menyebut dengan memberi tidak kurang

daripada 7 hari notis mengenainya kepada penduduk-penduduk tanah di mana latihan ketenteraan akan dijalankan. Fasal 5 (3) pula ada peruntukan bahawa selepas Kerajaan Negeri menerima notis tentang apa juga manuver tentera dia hendaklah menyebarkan salinan-salinan notis itu kepada tiap-tiap kampung dan di tempat-tempat lain yang sesuai dalam kawasan yang tersebut dalam notis itu sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang dinyatakan bagi permulaan manuver tentera itu dijalankan.

Ini adalah berkaitan dengan apa juga manuver tentera yang mana bilangan askar yang mengambil bahagian melebihi 1,000 orang. Tetapi bagaimana pula manuver tentera yang mana bilangan askar yang terlibat kurang daripada 1,000 orang?

Di bawah Fasal 6 Rang Undang-undang ini ada diperuntukkan bahawa notis berkenaan tidak diperlukan walaupun ada dinyatakan bahawa manuver tentera tersebut tidak boleh dijalankan melebihi tempoh selama 48 jam. Ini nampaknya tidak adil kepada penduduk-penduduk yang terlibat dalam sesuatu kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan untuk manuver tentera ataupun kawasan menembak. Saya suka mencadangkan bahawa notis yang sesuai hendaklah juga diberi kepada mereka sungguhpun exercise ataupun manuver tentera di kawasan itu tidak melibatkan askar-askar melebihi 1,000 orang.

Saya juga suka mencadangkan bahawa Timbalan Menteri berkenaan hendaklah mengkaji perkara yang berhubung dengan pengeluaran notis ini dan adalah menjadi pandangan saya bahawa sekiranya sesuatu tanah digunakan untuk manuver tentera maka masa yang mencukupi hendaklah diberikan kepada penduduk-penduduk di situ supaya siap sedia dan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan seberapa mungkin kerosakan atau kehilangan yang bakal dihadapi.

Orang-orang yang mudah menerima akibat dari latihan manuver tentera ialah peladang-peladang atau pekebun-pekebun kerana tanaman mereka akan termusnah atau rosak semasa latihan dijalankan.

Tuan Yang Dipertua, pada golongan ini mereka meminta supaya diberikan tempoh masa yang panjang untuk membolehkan mereka berpindah atau membuat sesuatu sebelum latihan manuver tentera dijalankan dan ini pada pendapat saya adalah satu permintaan yang adil dan menasabah

Mengenai persoalan pampasan sebagaimana yang tercatat di dalam Fasal 10 Rang Undang-undang ini ada memperuntukkan supaya pampasan sepenuhnya dibayar bagi apa-apa kerosakan kepada orang atau harta atau gangguan kepada hak-hak atau keistimewaan yang berbangkit daripada kuatkuasa mana-mana peruntukan Rang Undang-undang ini.

Saya suka mengambil kesempatan ini, Tuan Yang Dipertua, untuk mendapat sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan tentang tafsiran atau definisi pampasan sepenuhnya. Adakah ini bermakna bahawa amaun yang akan dibayar adalah satu amaun yang memuaskan kepada pihak yang terlibat ataupun adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada definisi yang lain mengenai pampasan sepenuhnya ini? Maka saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi sedikit penjelasan tentang perkara yang dibangkitkan oleh saya ini.

Tuan Yang Dipertua, Fasal 12 Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi Majlis Angkatan Tentera untuk membuat kaedah-kaedah bagi memastikan keselamatan awam dalam masa manuver tentera atau dalam masa sesuatu kawasan tembak digunakan bagi maksud manuver tentera.

Saya berpendapat bahawa peruntukan ini adalah amat penting kerana kita tidak ingin melihat sesiapa yang terbunuh atau tercedera semasa manuver tentera ini dijalankan. Saya berpendapat bahawa keselamatan awam adalah satu perkara yang penting dan perlu mendapat perhatian berat oleh rakyat dan memandangkan ini Majlis Angkatan Tentera seharusnya memastikan bahawa peruntukan Fasal 12 ini dapat dilaksanakan dengan cekap demi keselamatan awam. Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menekankan di sini bahawa walaupun saya mengalu-alukan sepenuhnya kepentingan Rang Undang-undang ini, tetapi saya berharap bahawa peruntukan-peruntukan akan hanya dijalankan apabila perlu dan dalam cara yang tidak akan menyebabkan ketidakadilan kepada mereka yang terlibat terutamanya para peladang dan pekebun-pekebun di kampung-kampung.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4.19 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk memberi sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983 di samping ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan atas langkah mengseragamkan Rang Undang-undang ini di semua peringkat negara kita baik di Semenanjung Malaysia Barat termasuk juga Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983 yang sedang dibahaskan ini lahir dari keinsafan Kerajaan betapa anggota-anggota tentera yang dipertanggungjawabkan bagi mempertahankan benteng pertahanan

dan kedaulatan negara perlu diberikan latihan-latihan intensif peperangan dari masa ke semasa di mana latihan-latihan tersebut bukan sahaja dapat menambah kecekapan di kalangan anggota-anggota tentera kita bagi menghadapi musuh-musuh negara malah ianya akan dapat menyemaikan serta memperkukuhkan perasaan kecintaan mereka terhadap tanahairnya.

Cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983 seperti yang sedang kita bahaskan ini juga lahir dari kesedaran Kerajaan betapa negara kita juga tidak terkecuali daripada ancaman-ancaman musuh baik musuh dari dalam mahupun musuh dari luar negeri dan oleh kerana negara kita tidak terkecuali daripada ancaman tersebut maka adalah wajar supaya benteng pertahanan negara kita diperkukuhkan. Adalah wajar supaya anggota-anggota keselamatan negara ini diberi pengetahuan yang cukup, maklumat yang lengkap mengenai musuh-musuh negara. Adalah juga wajar supaya anggota keselamatan negara ini diberi latihan yang cukup, latihan yang lebih meluas dan mendalam di dalam selok belok pertahanan negara.

Tuan Yang Dipertua, musuh mengancam keselamatan dan kedaulatan sesebuah negara melalui berbagai-bagai cara, berbagai-bagai bentuk dan keadaan mengikut cara mana, mengikut keadaan mana yang mereka dapati lebih selamat dan mudah dengan mengambil kira faktor kelemahan negara-negara yang diancam itu. Di dalam hubungan ini musuh boleh jadi menyerang melalui ruang-ruang udara, melalui darat, mahupun laut, musuh boleh menyerang negara kita melalui kawasan-kawasan pergunungan, kawasan-kawasan pelurahan, baik dari dalam kampung atau di bandar seperti yang saya katakan mengikut cara

mana, macam mana, keadaan mana yang sesuai dan selamat bagi mereka. Oleh kerana bentuk ancaman ini tidak ada penentuan dan tidak dihadkan kepada sesuatu kawasan sahaja, maka adalah wajar bagi anggota keselamatan negara kita diberikan latihan yang cukup, baik latihan di udara, di darat mahupun di laut.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong penuh seksyen 5 dan 6 Rang Undang-undang Manuver Tentera, 1983 ini iaitu mengenai notis manuver tentera. Orang ramai di mana kawasan manuver itu hendak dilaksanakan perlu diberitahu. Dalam konteks ini pemberitahuan boleh dalam bentuk bertulis dan dalam bentuk lisan.

Saya mencadangkan supaya pemberitahuan ini dilaksanakan kedua-duanya sekali yang bentuk bertulis pun diberitahu, secara lisan pun diberitahu kepada Pegawai Daerah, kepada Penghulu, Penggawa, kepada Ketua Kampung agar melalui Penghulu dan Ketua-ketua Kampung ini pula menyebarkan pemberitahuan tersebut kepada orang ramai di mana manuver tentera itu akan dilaksanakan, kerana pada lazimnya masyarakat kampung yang terdapat di dalam negara kita ini masih ramai lagi bilangannya yang tidak tahu membaca dan tidak tahu menulis. Ramai bilangan orang-orang kampung yang tidak kenal di mana letaknya papan-papan tanda di dalam sesebuah kampung. Jika sekiranya pemberitahuan ini tidak dilaksanakan dengan secara meluas dan secara menyeluruh, saya bimbang kesan daripada manuver tentera itu akan berlaku kemalangan di sana-sini.

Tuan Yang Dipertua, jika sekiranya pemberitahuan rancangan manuver tidak menyeluruh adalah dikhuatiri ada orang-orang awam yang akan didakwa juga mengikut seksyen 9 (1) dan 9 (2) Rang Undang-undang ini.

Berkaitan dengan seksyen 10 iaitu pampasan bagi kerosakan, saya juga ingin membuat cadangan di sini supaya pampasan berdasarkan kepada kerosakkan harta-benda, gangguan kepada hak-hak atau keistimewaan tersebut dibayar mengikut harga pasaran yang ada sekarang, tetapkan amaun pampasan di samping memberitahu kepada orang ramai, kepada orang-orang yang terlibat di dalam kerugian tersebut tentang cara-cara membuat tuntutan. Maklumlah pada kebiasaannya manuver tentera ini dilaksanakan di kawasan-kawasan jauh di desa, kadang-kadang di kawasan pinggir, kawasan pantai di mana orang-orang kampung ini tidak tahu hendak membuat tuntutan. Beritahu mereka tunjukajar kepada mereka cara mana, macam mana hendak membuat tuntutan. Beritahu juga kepada mereka melalui saluran-saluran manakah tuntutan-tuntutan tersebut harus disalurkan di samping pampasan itu hendaklah segera dibayar kepada mereka.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan pembayaran pampasan ini, ingin saya membangkitkan suatu keadaan di mana UNHCR 3-4 tahun yang lepas mengambil sebuah pulau, tanah di pulau tersebut bermilik, pulau yang berpenduduk dan pengambilan pulau ini atas tujuan untuk menempatkan pendatang-pendatang haram Vietnam. Dan apabila pendatang-pendatang haram Vietnam ini sudah diuruskan penempatan mereka ke negara ketiga, pulau ini menjadi kosong, keadaan permukaan pulau menjadi botak, tanaman-tanaman habis, perairan di sekeliling pulau tersebut menjadi tercemar. Pemilik-pemilik tanah di pulau itu mengemukakan tuntutan mereka atas kerugian-kerugian harta-benda, cucuk tanam. Saya dapat tahu sehingga ke saat ini tuntutan tersebut masih belum dapat dijelaskan oleh pihak UNHCR sehingga menimbulkan keadaan di mana mereka yang menuntut sering

merungut dan bertanya bila tuntutan-tuntutan ini akan dapat diselesaikan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jadi keadaan ini jika sekiranya tidak diberikan perhatian yang serius, kemungkinan-kemungkinan tersebut akan juga berlaku di dalam Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai seksyen 12 ceraihan 3 iaitu mengenai "Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah". Logiknya kawasan-kawasan laut atau perairan pasang surut di mana manuver ini akan dilaksanakan adalah kawasan-kawasan yang dianggap mudah dimasuki oleh musuh-musuh negara dan kawasan-kawasan perairan yang terdapat pulau-pulau. Kebanyakan pulau-pulau yang ada di dalam perairan negara ini berpenduduk, di persekitaran pulau-pulau itu pula menjadi tempat tumpuan para nelayan menangkap ikan. Oleh itu jika sekiranya Majlis Angkatan Tentera berpendapat bahawa kawasan seperti ini susah untuk diletakkan tanda sempadan manuver, maka dengan itu kawasan manuver ini disifatkan telah ditanda. Berhubung dengan itu sukalah saya mencadangkan di sini supaya Majlis Angkatan Tentera memastikan supaya kawasan manuver yang dijalankan itu betul-betul selamat. Keselamatan penduduk-penduduk yang tinggal di pulau-pulau berkenaan dan keselamatan para nelayan yang keluar ke laut menangkap ikan dengan tidak ada pengawalan masa dan arahnya.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang Dipertua, pemberitahuan kepada orang ramai perlu diperluaskan, orang ramai yang tinggal di kawasan manuver perlu diberitahu kawasan-kawasan penempatan ataupun perkampungan nelayan juga perlu diberitahu, kawasan di pusat-pusat pendaratan ikan juga perlu diletakkan notis-notis manuver

ini supaya semua pihak, semua nelayan tahu tentang perancangan manuver itu. Tuan Yang Dipertua, akhir sekali saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai Jadual Borang A, Akta Manuver Tentera 1983, Seksyen 5, Notis Manuver Tentera yang berbunyi:

"Adalah dengan ini diberitahu bahawa suatu manuver tentera akan dijalankan. . . .", dan selanjutnya.

Saya cuma ingin mengambil satu perkataan, iaitu perkataan "manuver". Kalau perkataan ini diteruskan, saya bimbang nanti orang-orang kampung tak tahu apa dia manuver. Pada peringkat awalnya saya juga teraba-raba apa dia manuver ini. Jadi tidak bolehkah Kementerian yang berkenaan mencari satu perkataan yang lain ataupun rangkai kata yang lebih mudah difahami oleh orang-orang kampung keseluruhannya bagi menggantikan perkataan manuver ini, seperti "gerak latihan" misalnya ataupun "satu gerakan dengan tujuan memberikan latihan-latihan peperangan, teknik peperangan" dan yang seumpamanya. Kalau kita hendak kekalkan juga dengan perkataan manuver ini buat satu kandungan, manuver ini yang bererti gerakan untuk memberi latihan-latihan peperangan kepada anggota-anggota keselamatan kita.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, inginlah sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Pertahanan yang telah berjaya membawa Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983 dan saya menyokong pembentangan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Yang Berhormat dari Kepong.

4.33 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun mengambil bahagian dalam

perbahasan Rang Undang-undang Manuver Tentera. Terutamanya nampaknya tentera kita sudah bangun dari peringkat kanak-kanak kepada tahap dewasa dan bukan sahaja untuk menentang gerila-gerila bahkan juga untuk peperangan konvensional, satu tanda yang baik.

Di sini saya hendak memberi peringatan kepada Timbalan Menteri mengenai beberapa perkara.

Yang pertamanya, Fasal 5 dan Fasal 6 mengenai Notis Manuver Tentera. Fasal 6 berbunyi:

“Apabila bilangan askar yang akan mengambil bahagian dalam manuver tentera itu tidak melebihi seribu orang. . .”.

Dengan ini notis tidak diberi.

Pada pendapat saya ini tidak menasabah. Saya berharap notis sama ada bilangan askar itu lebih daripada 1,000 orang ataupun kurang hendaklah diberi notis kepada Kerajaan Negeri dan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, bukan sahaja untuk bilangan yang lebih daripada 1,000 orang. Tambahan pula, pada pendapat saya 6 bulan itu terlalu singkat, lebih baik ini dipanjangkan kepada 9 bulan ataupun 1 tahun kerana jentera-jentera Kerajaan, jentera-jentera tentera kadangkala lambat sedikit.

Fasal 11 berbunyi:

“11.(1) Tiap-tiap tuntutan bagi pampasan di bawah subseksyen (3) seksyen 10 hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, dalam tempoh enam bulan selepas tanah, laut, perairan pasang surut atau pantai, mengikut mana yang berkenaan, yang dibuat tuntutan telah digunakan sebagai kawasan tembak bagi maksud-maksud manuver tentera menurut kuasa suatu pengisytiharan di bawah Akta ini”.

Saya hendak menekankan bahawa 6 bulan ini tidak cukup kerana manuver-manuver ini akan diadakan biasanya di luar bandar dan orang-orang di luar bandar dengan sosio ekonominya kurang terpelajar dan tuntutan itu memanglah baik kita panjangkan kepada satu tahun ataupun sekurang-kurangnya 9 bulan. Saya berharap semua ahli-ahli yang hadir hari ini bersetuju dengan saya, terutamanya daripada luar bandar.

Fasal 9, dengan sesuatu manuver tentera memang ada anggota-anggota tentera yang melanggar syarat-syarat dan orang-orang yang melakukan kesalahan ini, sepatutnya dendanya ditingkatkan kepada \$10,000 kerana kesalahan ke atas orang-orang awam ini kadangkala serius. Berhubung dengan ini saya menyeru supaya Polis Tentera dikemaskini dan diperkukuhkan agar mereka dapat mengawal dengan ketat atas segala aktiviti-aktiviti askar-askar yang mengambil bahagian di dalam manuver itu. Setakat ini saya percaya Polis Tentera itu tidak berapa mampu untuk menjalankan tugas untuk mengawal dan mengawasi, terutamanya di dalam keadaan manuver.

Satu masalah lagi, Tuan Yang Dipertua, bagi orang-orang di kampung di ladang-ladang getah dan sebagainya, masalah komunikasi setakat tempel notis dan sebagainya, itu tak cukup. Saya berharap pihak tentera boleh menggunakan saluran-saluran yang lebih moden, yang lebih berkesan untuk memperbaiki komunikasi bagi notis bagi memindahkan petani-petani, peladang-peladang dan sebagainya dari kawasan-kawasan di mana adanya manuver tentera.

Mengenai pampasan, saya menyokong cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Kita berharap Timbalan Menteri dapat menerang dan

menjelaskan dengan teliti apa pampasan ini mengenai kerugian yang dialami oleh orang-orang yang ada di kawasan di mana adanya manuver, terutamanya kerana pada ketika ini dengan adanya senjata-senjata moden, termasuk kereta-kereta kebal yang moden dan peluru-peluru berpandu yang moden, kerosakan ke atas tanah-tanah dan hartabenda kawasan manuver itu memang mungkin serius.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, dengan adanya manuver-manuver konvensional ini di seluruh negara dari masa ke semasa memang saya menganggap matlamat kita ialah untuk menentang pencerobohan-pencerobohan daripada negara asing kerana geographi negara kita dan topography negara kita di masa Perang Dunia Kedua, Jepun dapat memara memasuki negara kita dengan mudah kerana manuver-manuver pihak penjajah British sebelum Perang Dunia Kedua itu mereka tidak ada perancangan jangka panjang yang baik.

Saya beri satu misalan. Sebelum Jepun masuk ke Malaya, pihak penjajah British sudah menyimpan stockpile gasoline di merata tempat dan gasoline ini tidak digunakan oleh tentera British di Malaya kerana tidak ada strategi atau taktik yang berkesan dan dengan Jepun melalui Thailand tentera British mundur daripada utara ke selatan, daripada Jitra ke selatan Changi dan askar-askar British ditahan dan dibawa pula ke Burma, Bridge over the River Kwai dan sebagainya dan tentera British tidak pernah menggunakan stockpile gasoline ini, cuma tentera Jepun sahaja yang menggunakan stockpile-stockpile yang diadakan oleh pihak penjajah tentera British.

Kita di Malaysia harus mempelajari daripada sejarah Perang Dunia Kedua terutamanya yang berlaku di dalam tanahair kita supaya pada masa

hadapan kita tidak dapat tahu apa yang akan terjadi mungkin dengan kekuatan Vietnam mereka boleh masuk ke sempadan kita. Jadi, cuma Vietnam sahajalah yang mampu. Pada hemat saya negeri China tidak mampu lagi dan pada masa 10 ataupun 20 tahun ini cuma Vietnam sahaja kerana kekuatan dan dorongan daripada Soviet Union. Kerana inilah saya berharap pihak tentera dengan mengadakan manuver-manuver ini, manuver-manuver memang menelan belanja wang rakyat yang banyak, dan apabila mengadakan manuver-manuver ini janganlah kita melakukan kesalahan yang pernah dilakukan oleh pihak tentera British. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar.

4.56 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Yang Dipertua, saya bangun bersama-sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983.

Saya sangatlah mengalu-alukan atas Rang Undang-undang ini kerana seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan tadi undang-undang ini akan memansuhkan Enakmen Manuver Tentera Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Ordinan Manuver Tentera Negeri-negeri Selat, Ordinan Manuver Tentera Sabah 1959 dan Ordinan Manuver Tentera Sarawak dan hasrat Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini adalah untuk menyatukan seluruh kegiatan berhubung dengan manuver tentera sebagai sebuah negara yang bersatu-padu.

Pada pandangan saya dengan adanya Undang-undang Manuver Tentera 1983 ini bukan sahaja kita menggambarkan penyatuan Undang-undang Manuver Tentera kita tetapi dari segi semangatnya, dari segi

semangat undang-undang ini sendiri boleh memperkukuhkan lagi perpaduan anggota-anggota tentera itu sendiri di seluruh negara kita, dari negeri Perlis sehinggalah ke Sabah. Dan langkah seperti ini pada pandangan saya bukan patut dilaksanakan kepada Undang-undang Manuver Tentera ini sahaja tetapi patut juga dikaji kepada undang-undang dan peraturan-peraturan lain selaras dengan semangat integrasi seluruh negara kita sebagai sebuah negara Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa satu lagi perkara yang amat menggembirakan kita ialah mengenai apabila hendak diisytiharkan sesuatu kawasan manuver tentera, Kerajaan Negeri akan dibawa berunding. Sebagai sebuah masyarakat yang ingin menyelesaikan masalah-masalah negara secara perundingan, saya rasa semangat undang-undang ini adalah baik sekali. Kita tidak mahu kedegaran daripada pihak-pihak Kerajaan Negeri yang menyatakan bahawa ada sesuatu kawasan manuver-manuver tentera dan sebagainya diisytiharkan begitu sahaja tanpa perundingan dengan Kerajaan Negeri.

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun sedar bahawa memang ada berlaku sedikit kesilapan ataupun salah teknik pada masa-masa yang lepas. Langkah ini patutlah diberi pujian dan pihak Kerajaan Negeri saya rasa sekarang sangatlah berada dalam keadaan puashati, kerana dari segi ketenteraan ini walaupun bidang kuasanya adalah tertakluk di bawah Kerajaan Pusat tetapi kita rasa dengan cara perundingan dengan pihak-pihak Kerajaan Negeri maka sudah tentulah masalah-masalah tempatan akan dapat kita selesaikan supaya manuver tentera dapat berjalan dengan licin dan berkesan.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita lihat pada Fasal 7 Rang Undang-undang Manuver Tentera ini, saya rasa ini juga

merupakan sebagai satu perkara yang lebih banyak mendatangkan kebaikan jika perkara ini kita adakan dan saya menyokong penuh Fasal ini walaupun pada dasarnya apabila kita hendak mengadakan manuver tentera ini kerana ketenteraan adalah untuk kepentingan keselamatan negara tidak wajar perkara-perkara lain kita beri perhatian tetapi selaras dengan disiplin dan semangat ketenteraan nampaknya perbekalan ini sungguhlah mendatangkan faedah kepada pihak-pihak yang berkenaan ataupun khasnya rakyat-rakyat daripada sektor-sektor lain kerana di dalam perbekalan ini telah diperuntukkan iaitu sekiranya di mana hendak diadakan manuver tentera adalah dipastikan bahawa ini tidak akan mengganggu ataupun memasuki mana-mana rumah kediaman misalnya rumah ibadat, sekolah dan sebagainya kerana semangat keadilan semangat mementingkan masyarakat negara kita telah diambil perhatian oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Saya rasa ini adalah sesuai dan selaras bahawa angkatan tentera itu bukan sahaja mempertimbangkan keselamatan negara dari segi alat-alat senjata dan latihan tetapi dari segi quality rakyat negara kita sendiri.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, saya inginlah menarik perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila kita hendak mengadakan satu-satu latihan dan telah diisytiharkan sesuatu kawasan manuver tentera secara yang tidak tetap ataupun tidak kekal, saya berpendapat khasnya bagi kawasan-kawasan di luar bandar ataupun di kawasan-kawasan pendalaman supaya latihan-latihan ketenteraan itu dimasukkan juga ataupun diberikan pertimbangan juga kepada kebajikan-kebajikan penduduk-penduduk setempat dan hendaklah diadakan ataupun di dalam latihan-latihan itu dibanyakkkan

kegiatan-kegiatan memberi pertolongan kepada penduduk-penduduk di kawasan setempat.

Umpamanya dengan mengadakan pembinaan jambatan di luar bandar jalan-jalan untuk memudahkan perhubungan penduduk-penduduk di kawasan setempat semasa latihan itu diadakan kerana dengan yang demikian ini boleh membuka jalan atau membuka pintu hati khasnya mereka yang masih lagi tidak faham dengan keadaan keselamatan negara kita. Kerana melalui perhubungan yang baik dan perhubungan ketenteraan angkatan tentera dengan pihak-pihak berkenaan dengan lebih baik lagi boleh memberi banyak kebajikan kepada pihak angkatan tentera itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, saya harap dapatlah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan iaitu mengenai perisytiharan kawasan manuver ataupun kawasan tembak, dalam ini dinyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri, memanglah saya faham bahawa perundingan-perundingan sudah tentulah tidak akan dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong sendiri dan kalau boleh Yang Berhormat Menteri menerangkan pihak mana yang akan merundingkan perkara ini dengan pihak Kerajaan Negeri supaya tidak menimbulkan sebarang masalah pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya memberi sokongan yang kuat kepada Rang Undang-undang ini dan ini adalah merupakan sebagai satu langkah yang bijak khasnya kalau kita lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri kita itu berasal dari Sarawak, ini menggambarkan juga bukan semangat Rang Undang-undang ini sendiri tetapi semangat Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dan ini patutlah diberi pujian. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Parit.

4.57 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Yang Dipertua, saya juga turut memberikan sokongan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pertahanan kerana telah membentangkan satu Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983 oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan sebentar tadi. Sebelum saya meneruskan pandangan-pandangan yang lain, saya ingin menyentuh ucapan dari Wakil Kepong sebentar tadi kerana beliau mengatakan bahawa angkatan tentera kita ini baharu hendak dewasa dari alam kanak-kanak.

Saya amat tidak setuju dan amat hairan mendengar pandangan dari Wakil Kepong itu. Tidakkah beliau sedar bahawa tentera kita memang telah matang, memang telah banyak menabur jasa untuk keselamatan negara kita dan juga keselamatan negara-negara luar. Misalnya dalam tahun 1960 tentera kita telah pun berjaya menamatkan darurat. Ini bukankah satu yang menunjukkan bahawa tentera kita telah begitu matang dan telah begitu berjaya bukan lagi tidak dewasa?

Kalau kita lihat pula dalam tahun-tahun 1960an tentera kita telah pun dipilih dan dijemput oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan telah pun tentera kita dihantarkan ke Congo untuk menyelesaikan krisis yang berlaku di negara tersebut. Ini merupakan satu penghormatan dan juga menunjukkan bahawa tentera kita telah begitu matang, bukan sahaja berjaya di dalam negeri tetapi juga diterima oleh peringkat antarabangsa dan tentera kita juga telah berjaya menghadapi konfrantasi dalam tahun 1963.

Sekarang ini pula tentera kita begitu gagah sekali mengawal sempadan-sempadan negara kita di Kalimantan, di Thailand, sempadan dengan negeri Thailand bagi menyekat kemaraan musuh yang mengancam negara kita. Maka dengan bukti-bukti itu sudah tentulah menunjukkan bahawa tidaklah sepatutnya wakil dari Kepong menganggap tentera kita ini masih lagi tidak matang, baru sekarang ini hendak matang setelah Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa dengan pembentangan Rang Undang-undang ini adalah merupakan satu latihan yang amat penting supaya setiap anggota tentera kita akan bertambah matang, akan bertambah terlatih dengan selok belok dan juga tipu helah peperangan dengan ini sudah tentulah akan lebih menjamin keselamatan negara kita dan juga keselamatan rakyat negara ini. Pada masa-masa yang lepas sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan ataupun dilaksanakan, mungkin memang berlaku banyak masalah dan kekeliruan di kalangan orang ramai apabila diadakan satu-satu manuver atau latihan tentera.

Tuan Yang Dipertua, mengikut apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, soal menentukan kawasan ataupun pemilihan kawasan-kawasan untuk satu-satu manuver tentera itu dijalankan satu perundingan dengan pihak Kerajaan Negeri hendaklah diadakan. Ini rasa saya adalah satu langkah yang amat baik kerana pemilihan tempat-tempat latihan ataupun manuver tentera itu perlulah difikirkan dengan sedalam-dalamnya dan dibuat kajian teliti dari semua sudut.

Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian Pertahanan hendaklah memilih satu kawasan yang jauh

daripada penempatan ataupun tempat-tempat kejadian orang ramai dan juga tempat-tempat di mana dijalankan perusahaan-perusahaan dan pertanian yang merupakan mata pencarian hidup kepada rakyat negara ini. Ini untuk mengelakkan dari sebarang kerosakan dan kerugian pihak orang ramai dan juga mengelakkan daripada berlakunya sebarang kemalangan dan sekiranya kawasan latihan itu jauh daripada tempat kediaman dan juga tempat-tempat perusahaan atau pertanian sudah tentulah tidak timbul masalah untuk membayar pampasan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan yang tercatat di dalam Rang Undang-undang ini. Walaupun negara kita banyak mempunyai kawasan hutan simpanan ini juga perlu dipertimbangkan dan di negara kita juga banyak kawasan hutan simpanan, kawasan-kawasan seperti itu juga kalau difikirkan sesuai untuk latihan peperangan tentera bagi latihan darat dan udara tetapi sebaliknya kita mesti mengambil kira bahawa di kawasan hutan-hutan yang saya sebutkan tadi adalah merupakan kawasan yang kaya dengan hasil kayu kayan. Kalau sekiranya kawasan-kawasan itu dijadikan kawasan latihan atau manuver tentera sudah tentulah akan mengakibatkan kerosakan kepada kawasan-kawasan hutan kita yang kaya-raya itu. Maka di sini saya mencadangkan supaya pemilihan ini hendaklah benar-benar dirundingkan, dirancang dan pemilihan yang paling sesuai dilakukan supaya mengelakkan daripada kerosakan dan kerugian yang akan berlaku akibat daripada latihan tersebut.

Saya juga mencadangkan setelah pemilihan kawasan yang difikirkan paling sesuai dari segi kedudukan, dari segi keluasan, maka eloklah kawasan itu dikhaskan pada bila-bila masa sahaja apabila manuver tentera itu hendak diadakan. Maksudnya kita tidak perlulah mengadakan beberapa

tempat ataupun banyak tempat latihan yang terpaksa pula dibuat kajian, yang terpaksa pula dibuat pilihan-pilihan bagi menentukan kawasan-kawasan latihan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan Fasal 5 iaitu berkenaan dengan notis manuver tentera seperti yang dikatakan atau disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sebelum ini. Di bawah Perkara 5 (1) manuver tentera itu yang melebihi 1,000 orang, notis dalam Borang A hendaklah diberikan kepada Kerajaan Negeri, yang kemudian akan memberitahu Pihak Berkuasa Negeri, sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh yang dicadangkan untuk menjalankan manuver tentera itu. Maka saya rasa tempoh yang telah dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini iaitu Fasal 5 (1) ini adalah menasabah dan sesuai kerana tempoh sebulan itu memanglah mencukupi untuk memberi satu notis bagi mengingatkan orang ramai bahawa di kawasan tersebut akan dijalankan satu latihan manuver tentera. Tetapi Fasal 6, saya rasa adalah sedikit perlu kita ambil perhatian iaitu bagi bilangan manuver tentera itu tidak melebihi 1,000 orang, notis yang tersebut dalam sub-section (1) seksyen 5 itu tidak perlu. Rasa saya kalau sekiranya latihan itu dalam bentuk yang kecil, kurang daripada 1,000 orang eloklah juga diberikan notis kerana walaupun bilangannya kecil tetapi kerana latihan itu dalam bentuk ketenteraan juga, bentuk yang sama menggunakan peralatan tentera dan berlakunya tembak menembak dan sebagainya maka eloklah juga Fasal 6 itu dimasukkan satu peraturan supaya diberikan notis terlebih dahulu.

Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan pampasan seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tadi, saya juga bersetuju supaya pihak Kementerian

Pertahanan sentiasa memberikan pertimbangan yang sewajarnya sekiranya berlaku sebarang kerosakan, sebarang kerugian ataupun kemalangan jiwa berlaku di dalam latihan tersebut hendaklah diberi pampasan yang sewajarnya dan sesuai. Maka akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya memberikan sokongan yang penuhnya kepada Rang Undang-undang Manuver Tentera ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ahli Yang Brhormat dari Matang.

5.09 ptg.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan yang membuatkan satu Rang Undang-undang Manuver Tentera, 1983.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara di dalam Fasal-fasal yang telah disusun oleh pihak Kementerian Pertahanan berhubung dengan masalah Rang Undang-undang Manuver Tentera, 1983.

Tuan Yang Dipertua, di sini dalam masalah Fasal 3 iaitu pengisytiharan kawasan manuver atau kawasan tembak. Saya mengucapkan syabas di atas kebijaksanaan dan juga tindakan pihak Kementerian Pertahanan yang mana dengan kuasa Yang Dipertuan Agong berunding dengan pihak berkuasa Negeri bagi mengadakan satu-satu manuver tentera yang mana kita sedar bahawa dalam satu-satu latihan peperangan bagi anggota tentera eloklah kita mengadakan terlebih dahulu perundingan ataupun perbincangan dari pihak Kerajaan Pusat atau pihak Yang di-Pertuan Agong dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini bertujuan tidak

lain dan tidak bukan untuk memudahkan kerjasama di antara pihak Angkatan Tentera dengan Kerajaan Negeri bagi kita mengadakan satu-satu latihan dalam satu-satu kawasan, dalam-dalam satu-satu negeri.

Di sini, selain daripada itu saya ingin menyentuh berhubung dengan masalah ini. Selalunya kedatangan kadangkala apabila kita mengadakan latihan tentera ataupun latihan peperangan yang mana kegiatan-kegiatan tentera ini diadakan menjadi satu masalah kepada orang ramai yang mana kadangkala apabila diadakan latihan-latihan tentera ataupun manuver, dalam satu-satu kawasan, maka timbul berbagai-bagai masalah terutamanya kepada orang-orang di kampung-kampung ataupun di desa-desa. Ini oleh kerana dalam latihan-latihan tentera yang mana dalam satu-satu latihan misalnya yang berlebih keramaian tenteranya dikatakan lebihkurang seribu orang atau lebih daripada itu kadangkala melibatkan kawasan-kawasan perkampungan seperti dusun-dusun ataupun ternakan-ternakan orang kampung. Dalam masalah ini saya bersejutu sangatlah di atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh pihak Kementerian Pertahanan dalam kerjasama dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

Selain daripada itu saya ingin sentuh dalam masalah Fasal 5 iaitu Notis Manuver Tentera. Dalam Fasal 5 Sub-seksyen 1 iaitu apabila bilangan askar yang akan mengambil bahagian dalam satu-satu manuver tentera itu melebihi seribu orang, notis dalam borang A hendaklah diberi kepada Kerajaan Negeri yang kemudiannya akan memberitahu pihak berkuasa Negeri sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh yang dicadangkan untuk menjalankan manuver tentera itu dengan menyatakan tarikh permulaan manuver tentera itu dan tempoh manuver tentera itu akan

dijalankan tidak melebihi 3 bulan dan sempadan kawasan-kawasan manuver tentera tersebut.

Dalam masalah Fasal 5, sub-seksyen 1 ini dalam masalah Notis Manuver Tentera, saya rasa dalam masalah memberi tempoh tidak lebih daripada tiga bulan itu saya rasa masa itu terlalu pendek. Saya rasa lebih baik diberi lebihkurang dalam masa lima bulan atau enam bulan. Ini bertujuan supaya dapat pihak-pihak tertentu ataupun rakyat-rakyat di kawasan-kawasan yang terlibat dengan manuver tentera ini dapat memahami dan dapat mereka misalkata dan pihak tentera hendak menggunakan kawasan yang lebihkurang 100 batu persegi maka sekiranya melibatkan rakyat-rakyat di kawasan tersebut misalnya kawasan mereka bekerja dalam hutan dapat mereka tahu. Jadi, tempoh masa yang lebih itu dapatlah mereka menyediakan atau membuat persediaan bagi menghadapi latihan atau manuver tentera di kawasan yang tertentu tadi.

Selain daripada itu pula, Tuan Yang Dipertua, dalam masalah ini juga, dalam masalah kawasan manuver tentera ini, saya dapati misalnya kata berlaku satu ketika iaitu di kawasan sempadan antara Perak dengan Thailand tetapi kawasan itu bukanlah kawasan manuver tetapi apabila pihak tentera, ini menjadi satu masalah pula, apabila pihak tentera menggunakan meriam untuk menembak sasaran pegganas-peggnas komunis iaitu di waktu malam, jadi apabila pihak tentera tembak kawasan sasaran pegganas-peggnas komunis ini ada pula pihak-pihak yang tertentu yakni golongan orang ramai membuat komplek atau petition pula melalui orang-orang yang tertentu ataupun melalui orang-orang politik supaya menahan pula pihak tentera ini menembak sasaran-sasaran komunis konon-kononnya mengganggu mereka hendak tidur.

Ini menjadi satu masalah. Bagi diri saya, saya berharap kepada pihak Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan dalam masalah kita hadapi ataupun menentang musuh, kita jangan pedulikan sangat rayuan-rayuan ataupun sungutan-sungutan ataupun petition-petition daripada orang ramai ini oleh kerana pihak tentera mereka sedang berkhidmat memperjuangkan dengan pihak musuh. Tetapi mengapa pula yang orang ramai pula kononnya tidak boleh tidur kerana bising daripada bedilan-bedilan meriam tadi?

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order 360. Bil ini mengenai manuver, bukan mengenai gerakan terhadap baik pun pengganas atau pasukan yang mahu mengancam negara ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila Yang Berhormat teruskan.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Di sini Tuan Yang Dipertua, apa yang saya katakan tadi ada kaitan juga dengan masalah kawasan manuver tentera sebab selalunya dalam latihan-latihan tentera kadang-kadang menggunakan meriam-meriam untuk mengadakan latihan dalam kawasan-kawasan manuver tentera. Selalunya Angkatan Tentera dalam masa manuver ini menggunakan meriam-meriam dan menembak kawasan-kawasan sasarannya di waktu malam, sebab itulah saya katakan begini. Jadi apa yang saya katakan tadi ada kaitannya. Saya rasa Wakil dari Kota Melaka mesti sedar dalam masalah ini dan faham, jangan cuba hendak bangkitkan tidak tentu arah sahaja.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu dalam masalah notis manuver tentera ini pun menjadi satu masalah juga. Kadang-kadang kita memberi notis dan melalui *Warta Kerajaan*. Ini pun menjadi satu masalah juga, sebab *Warta* tadi kita sedar diwartakan untuk diberi kepada pihak-pihak yang tertentu tetapi *Warta* ini kadang-kadang bocor, terlepas pula kepada pihak-pihak musuh. Jadi pihak-pihak musuh kadang-kadang tahu di mana kita hendak adakan latihan peperangan.

Misalnya dalam masalah manuver tentera tadi, misalnya hendak diadakan pada sekian-sekian hari-bulan mengikut dalam *Warta Kerajaan* akan diadakan di kawasan Hulu Perak, misalnya. Jadi dengan tidak langsung pihak musuh ini akan tahu dan pihak musuh ini mereka mencari jalan bermacam-macam helah untuk mengetahui berapa ramai tentera kita, berapa kelengkapan ataupun persediaan Angkatan Tentera kita untuk mengadakan manuver ini. Itu menjadi satu masalah juga. Sebab apa saya berkata begini, dalam kehidupan kita sehari-hari, dalam segi pertahanan kita bahkan sekarang seminggu sekali pihak tentera udara Soviet Union dengan menggunakan Foxbat ataupun MIG.23, 25 itu melintasi angkasa Butterworth tiap-tiap minggu dan tentera udara kita pun selalu memintasi dengan menggunakan kapal terbang F5E tetapi segi kelajuannya kita tidak dapat, kerana kita sedar pihak musuh selalu mengintip negara kita ini. Saya berharap.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Di mana Yang Berhormat dapat maklumat itu?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Saya dapat tahu daripada maklumat-maklumat tertentu. Kalau hendak tahu saya boleh ceritakan di luar Dewan ini tetapi seorang sama seoranglah.

Tuan Lim Kit Siang: Pecah rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi!

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila teruskan!

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Saya berkata demikian kerana saya sebagai Wakil Rakyat yang taat kepada negara ini, yang sayang kepada negara, wajib tahu; kecuali orang yang tidak taat, dia tahu, dia lepaskan rahsia ini kepada pihak lain tetapi saya tidak beritahu kepada sesiapa, cuma dalam Dewan yang mulia ini sahaja, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, dalam Fasal 9 iaitu dalam segi kesalahan yang mana di sini cuma kita lihat Fasal 9:

“9. (1) Jika dalam masa berjalannya sesuatu manuver tentera mana-mana orang—

(a) yang dengan sengaja dan secara salah di sisi undang-undang mengganggu perjalanan manuver tentera itu; atau

(b) yang tanpa kebenaran wajar memasuki berada dalam sesuatu khemah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan orang itu serta mana-mana binatang atau kenderaan di bawah jagaannya boleh dipindahkan oleh mana-mana pegawai polis. . . .”

Jadi dalam masalah ini, saya rasa kita telah pun memberi notis, apabila kita hendak mengadakan suatu manuver kita telah pun memberi notis sejak 3 bulan atau 4 bulan. Jadi apakah maksudnya orang-orang ini memasuki kawasan-kawasan manuver ini.

Di sini saya ingin mencadangkan orang yang membuat kesalahan itu bukan cuma didenda lima ribu ringgit bahkan lebih daripada itu dan juga penjara selama 2 tahun sahaja. Saya ingin tambah jadi 4 tahun atau 5 tahun, sebab mungkin mereka ini menjadi pengintip ataupun musuh, mereka mencari jalan untuk mencari jalan bagaimana kegiatan manuver tentera kita.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, akhir kata saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Timbalan Menteri Pertahanan yang telah membawa satu Rang Undang-undang Manuver Tentera, 1983. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.25 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Manuver Tentera membayangkan bahawa negara kita adalah dalam satu fasa yang baru menghadapi cabaran-cabaran kepada keselamatan dan kestabilan negara kita.

Di masa dahulu apabila sasaran (target) tentera kita ialah gerila-gerila dalam hutan-hutan di mana masalah utama ialah peperangan gerila, perkara military manoeuvre ini tidaklah begitu besar. Tetapi oleh kerana pasukan tentera-tentera kita sekarang mahu menghadapi satu cabaran yang baru, tukar taktik dan strategi ketenteraan daripada “guerilla warfare” kepada satu “conventional warfare” kemungkinan bahawa adalah ancaman-ancaman peperangan “land-based” berasas dari askar-askar yang mungkin mencero bohi kedaulatan negara kita khususnya dengan perkembangan baru yang bermula daripada tahun 1975 apabila kuasa komunis Vietnam Utara berjaya untuk

menguasai Vietnam Selatan dan pun dengan perkembangan baru di mana pihak Soviet Russia bukan sahaja ada menambahkan pasukan-pasukan dan tenaga tentera udara dan laut mereka di Asia-Pasifik tetapi pun dalam membantu usaha-usaha tentera Vietnam dan oleh sebab kita nampak sekarang bahawa pihak Kerajaan menitikberatkan untuk buat persediaan tentera kita menghadapi satu "conventional warfare" dan sekarang kita di sini ada satu Rang Undang-undang untuk menyatukan semua Rang Undang-undang yang ada mengenai manuver tentera.

Saya rasa bahawa rakyat jelata tentulah akan memberi sokongan yang penuh kepada semua usaha-usaha Kerajaan supaya boleh mempertahankan negara kita daripada ancaman yang boleh timbul baik pun dari Vietnam atau disokong oleh Soviet Russia supaya dalam satu "conventional warfare" yang mungkin berlaku kita tidak suka dalam satu keadaan yang tidak rela mempertahankan tanahair kita.

Tetapi di dalam perbincangan Rang Undang-undang Manuver Tentera ini, saya mahu mengemukakan beberapa perkara yang saya harap bahawa Timbalan Menteri, mahupun pihak-pihak tentera boleh ambil kira pada masa hadapan apabila mereka mengadakan manuver tentera.

Sungguhpun Rang Undang-undang ini ada membuat peruntukan bahawa Notis Manuver Tentera di Fasal 5 akan dibuat kepada Kerajaan Negeri sekurang-kurangnya notis 14 hari akan dibuat kepada tiap-tiap kampung dan tiap-tiap tempat dan tempat-tempat lain di mana manuver tentera ini akan diadakan. Kalau lebih 1,000 orang yang bersabit saya rasalah bahawa pihak tentera perlu sangat berjaga-jaga bahawa tidak cukup sahaja ada peruntukan bahawa walaupun dalam apa-apa manuver tentera ada berlaku

kerusakan bahawa ada peruntukan untuk ganti rugi dibayar. Apa yang lebih mustahak ialah bahawa dalam menjalankan manuver tentera, pihak tentera janganlah menimbulkan satu keadaan di mana perhubungan dengan orang ramai dirosakkan. Harta-harta benda bila rosak boleh diganti rugi tetapi muhibbah (goodwill), kepercayaan rakyat bila dirosakkan tidak boleh diganti rugi, bahkan tidak ada peruntukan untuk ganti rugi di sini. Dan sebab itulah oleh kerana satu tentera sebenarnya yang mahu boleh berjaya untuk memainkan peranannya mempertahankan rakyat dan negara perlu sangat mesra dengan orang ramai.

Apa yang saya khuatir, oleh kerana apa yang berlaku dulu ialah kalau tidak ada tatatertib, tidak ada disiplin, tidak ada kesedaran pihak tentera mengenai mustahaknya untuk memupuk perasaan kepercayaan dan muhibbah, pertalian di antara tentera dan orang ramai (civilian) akan menjadi satu masalah yang rumit apabila lebih banyak manuver tentera diadakan, khasnya nampaknya sekarang dalam dekad 80an manuver tentera akan lebih banyak, lebih besar dalam sekilnya dan mengambil masa yang lebih panjang.

Saya bangkitkan perkara ini oleh kerana tanpa ada manuver tentera telah berlaku banyak kali masalah di mana kelakuan pihak tentera menjadi satu perkara yang dibenci oleh orang ramai di mana mereka menggunakan kedudukan mereka, latihan mereka untuk bully, untuk menakutkan, untuk ambil tindakan di mana rakyat jelata rasa sangat tidak patut dan sangat tidak adil.

Baru-baru ini ada berlaku di Rengit, Johor, di mana seorang anggota tentera di dalam sebuah teksi yang berjalan ada mencampak atau buang seorang anak berumur 5 tahun sahaja daripada teksi. Kalau seorang anggota tentera boleh buat begitu dalam

manuver tentera yang satu bulan, enam minggu banyak perkara-perkara boleh timbul.

Saya ada dengar dan saya ada mendapat maklumat mungkin lah anggota tentera itu yang dengan tidak peri kemanusiaan telah buang anak berumur 5 tahun keluar, daripada teksi apabila teksi berjalan ada sedikit masalah mental.

Kalau begitu, perlulah pihak tentera mengkaji semula proses recruitment bagaimana boleh seorang yang ada masalah mental boleh direkrut menjadi seorang anggota tentera. Kalau tidak, dalam manuver tentera ada anggota-anggota yang ada masalah mental menembak sesukanya apa akan berlaku? Apa guna peruntukan boleh ganti rugi kalau nyawa sudah hilang? Ganti rugi di sini ialah untuk harta, tidak ada ganti rugi untuk nyawa. Saya harap bahawa kes di Rengit itu pihak tentera akan ambil perhatian yang berat, kenapa itu boleh berlaku? Oleh kerana kalau perkara yang kecil kita tidak mahu endah, di masa depan masalah yang besar akan timbul.

Tuan Yang Dipertua, di sini Fasal 5 yang diperuntukkan untuk notis diberi kepada Pihak Berkuasa Negeri sekurang-kurangnya 14 hari notis diberi kepada kampung-kampung dan tempat-tempat yang lain, saya rasa tidak cukup, tidak cukup! Apa yang perlu ialah sebelum satu kawasan dipilih untuk menjalankan manuver tentera bukan sahaja di mana lebih 1,000 orang yang terlibat, bukan sahaja tempat-tempat dalam kawasan itu diberi notis tetapi saya rasa pun mustahak bahawa rakyat jelata khasnya penduduk-penduduk di kampung itu diberitahu mengenai hak-hak mereka dalam Akta ini iaitu selepas Rang Undang-undang menjadi Akta mengenai tujuan manuver tentera, tujuannya ialah latihan askar-askar lebih lengkap, lebih cerdas apabila menghadapi masalah yang

sebenarnya. Tetapi beri satu taklimat supaya setiap rakyat tahu apa itu manuver tentera. Kalaulah ada satu notis di setiap kampung (village) akan ada manuver tentera, saya rasa 99.9% rakyat tidak tahu apa itu. Dan apabila datang 1,000-2,000 anggota-anggota pasukan tentera banyak hal akan timbul khususnya di bawah Fasal 7 (1) (a) ada peruntukan iaitu pihak tentera boleh:

“(a) lalu dan berkhemah, membina kerja-kerja tentera bukan berbentuk tetap dan menjalankan manuver tentera atas mana-mana tanah;—magnanya mana-mana ada tanah baik pun ada buah-buahan, baik pun ada ternakan dan apa-apa.

“(b) mengambil bekalan air dari apa-apa sumber awam atau persendirian, dan bagi maksud itu boleh mengempang sesuatu aliran air:

Dengan syarat bahawa pengempangan itu tidak mengganggu apa-apa tred atau perindustrian”.

Adakah ini termasuk ternakan? Adakah ini bererti bahawa ada kuasa untuk memusnahkan semua ternakan-ternakan? Lepas itu barulah ganti rugi. Saya rasa ini tidak akan mendapat sokongan. Ganti rugi bulan boleh selesai semua masalah khususnya tadi saya ada sebut boleh ganti rugi kerosakan harta-benda, tetapi tidak boleh ganti rugi sakit hati rakyat terhadap kelakuan yang tidak adil, tidak patut kalau berlaku di pihak tentera apabila berlaku dalam manuver tentera.

Tuan Yang Dipertua, lagi satu perkara saya mahu bangkit di sini ialah bahawa di samping berjaga-jaga mengenai perhubungan antara orang ramai (civilian) dan tentera dalam manuver tentera bahawa semua usaha-usaha yang boleh hendaklah diambil supaya menentukan diadakan satu

saluran di mana dalam satu manuver, orang-orang yang ada grievance atau complaint, boleh dikemukakan complaintnya, oleh kerana kalau manuver tentera itu satu bulan atau dua bulan mereka tidak boleh kemukakan apa-apa complaint mengenai kelakuan-kelakuan tentera sungguhpun selepas itu kalau ada harta-benda rosak boleh kemukakan bil kerosakan. Saya rasa ini tidak cukup, saya harap bahawa satu jentera diadakan, satu sistem di mana kalau ada manuver tentera begitu lama sebulan, dua bulan ada Unit Liasan, ada unit perhubungan di mana complen-complen orang ramai boleh dikemukakan, disalurkan, ditimbang dan diputuskan dalam manuver tentera.

Akhirnya, ialah kepercayaan dan sokongan orang ramai. Di sini saya rasalah oleh kerana dalam dekad 1980an akan lebih banyak manuver oleh kerana conventional warfare yang menjadi utama sekarang dalam strategi dan taktik pihak tentera bahawa pihak tentera dan Kementerian Pertahanan perlulah mengambil perhatian yang berat akan memastikan bahawa tentera kita disusun semula untuk membayangkan semua kaum di tanahair kita dan tidak dianggap atau tidak boleh dianggap bahawa terdiri daripada satu kaum sahaja, oleh kerana kalau dianggap atau boleh dianggap bahawa terdiri banyak daripada satu kaum sahaja dalam manuver-manuver tentera pun boleh merumitkan masalah-masalah yang boleh timbul antara rakyat dan tentera. Kita pun boleh lihat daripada contoh Sri Lanka di mana sangat bahayanya kalau ada dalam masyarakat majmuk, satu masyarakat berbilang bangsa di mana pasukan tentera yang mahu menjaga keselamatan semua rakyat, semua kaum dianggap atau boleh dianggap daripada satu kaum sahaja. Dan saya harap bahawa ini menjadi matlamat bukan dalam 1990an, tetapi matlamat short-term dalam 3-5 tahun

ini dengan cepatnya menyusun semula supaya komposisi tentera-tentera kita bolehlah lebih dekat dengan komposisi kaum-kaum yang ada di tanahair kita.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.44 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang Dipertua, saya turut bangun membahaskan Rang Undang-undang Manuver Tentera, 1983 yang sangat baik dan diucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pertahanan yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, isi-isi Rang Undang-undang ini sebentar tadi.

Ia sepatutnya telah menjadi satu Rang Undang-undang bagi menyatukan undang-undang yang telah ada di negara kita ini begitu lama iaitu Rang Undang-undang Manuver Tentera FMS, Negeri-negeri Selat, Sabah dan Sarawak. Jadi pada hari ini telah pun diangkat satu Rang Undang-undang menjadi undang-undang yang selaras dengan negara kita yang merdeka, mengadakan satu Undang-undang Manuver Tentera.

Saya hendak membangkit Fasal 3, "Kawasan Manuver Tentera", hendaklah berunding dengan Kerajaan Negeri kerana tanah-tanah ataupun kawasan-kawasan ini terlibat dengan Kerajaan Negeri, khususnya saya hendak menerangkan di sini berkenaan dengan manuver tentera di atas darat. Di atas darat ini bukan sahaja Kerajaan Negeri, tetapi pihak Jabatan yang tertentu, katalah di dalam hutan pihak Jabatan Hutan dan Jabatan Orang Asli terlibat kerana mereka ini menduduki di dalam hutan, begitu juga barang-barang hutan, hidup-hidupan liar pun termasuk Jabatan Mergastua pun dibawa berunding juga kerana ada kawasan-kawasannya Orang Asli tinggal di dalam hutan dan ada

kawasan-kawasannya tanah hutan rizab yang begitu baik pokoknya, begitu juga pokok-pokok yang dapat menjadikan hasil, pendapatan Orang Asli seperti durian hutan, getah taban, petai dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, perkara ini apabila dirunding dan dicari satu kawasan yang sesuai, kita tidak mahu terjadi pada satu masa dahulu tentera British tahun 1940an dahulu buat manuver tentera dihalakan mereka meriam dan segala senjata ke gunung Banjaran Titiwangsa, sambil manuver tentera sambil memburu pegganas, jadi seolah-olah melontar batu, dua perkara boleh selesai, tidak mengingatkan ataupun tidak memperhatikan bahawa ada berbagai-bagai benda di dalam hutan itu, berbagai nyawa dan matabenda seperti pokok rotan yang putus. Apabila Orang-orang Asli dan orang-orang kampung yang pergi ke dalam hutan itu melihatkan barang-barangnya kayu-kayan untuk dibuat palong-palong lombong daripada kayu-kayu hendak dibawa keluar sudah tidak boleh, kerana dihancurkan oleh peluru-peluru tentera begitu besar mematah-matahkan pokok dan tanaman-tanaman hutan yang sedia ada, yang menjadi hasil kepada mereka berhampiran dengan hutan itu.

Tuan Yang Dipertua, saya tadi hendak menyebutkan Yang Berhormat daripada Kota Melaka mengatakan tata tertib dan disiplin tentera terlalu kurang, bahkan dia membawa publisiti yang murah di Dewan yang mulia ini bahawa tentera kita ada melakukan, menghumban kanak-kanak yang berumur 5 tahun daripada teksi, dia kata di masa akan datang hendaklah diteliti apabila mengambil tentera ini, biarlah dengan keadaan otak yang sihat. Perkara ini luar biasa, cuma seorang setelah beratus ribu kita mengambil tentera, tetapi seorang mentalnya, tak baik memang menjadi adat itu pun selepas dia bekerja, entah

apa frustrasi yang terjadi kepada dia, maka tentulah pihak Kementerian Pertahanan membuang dia selepas mentalnya disiasat. Ini bukannya waktu mentalnya rosak kita ambil dia bekerja. Inilah cara Ahli Yang Berhormat itu membawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengambil perhatian supaya menyamai perasaan Ahli Yang Berhormat itu sebagai publisiti murah, tidak usahlah dipercayakan perkataannya keadaan beliau itu seolah-olah macam kanak-kanak menarik orang supaya mempercayai dirinya.

Lagi satu, Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan latihan tentera ini saya sangat memuji tentera kita yang amat baik khidmatnya dengan rakyat di kampung-kampung, di pinggir-pinggir kem mereka telah berkhidmat. Ini adalah satu arahan daripada pihak Kementerian dan pihak tentera supaya berkhidmat, kadang-kadang didapati kanak-kanak yang sakit, mereka bawa ke kem memberi ubat-ubatan, begitu juga memberi makan coklat dan sebagainya apabila manuver tentera ini dilaksanakan di satu-satu tempat berhampiran dengan kampung-kampung.

Tuan Yang Dipertua, saya berbalik kepada Fasal 9, kesalahan-kesalahan yang berlaku oleh kerana hendak mengelakkan kesalahan di masa akan datang hendaklah dipagar, kalau kecil kawasan manuver tentera ini dipagar, kalau besar pula kawasan manuver tentera itu, kecil kampung-kampung di sekitarnya kita pagar kampung itu kerana sebagaimana dalam Fasal 7:

“Apabila sesuatu manuver tentera dijalankan di bawah Akta ini, orang-orang yang mengambil bahagian dalam manuver tentera itu boleh, dalam kawasan yang dinyatakan dalam notis itu, jika ada, dan selama tempoh yang dinyatakan itu—

(a) lalu dan berkhemah, membina.”

Maka apabila selesai khemah itu, ambil balik pagar-pagar sebagaimana pagar duri yang bulat boleh ditarik.

Perkara notis hendaklah diberi tugas kepada Jabatan Penerangan memberitahu supaya *Warta* yang ada hendak diberi kepada Fasal 3 tadi, berbalik ke sana, Tuan Yang Dipertua, tentulah orang ramai tak dapat membaca *Warta* ini, hendaklah diberi Jabatan Penerangan menghebahkannya. Selain daripada itu hendaklah papan tanda dibuat besar-besar, setengahnya papan tanda diletakkan walau tempat itu bahaya racun ataupun bahaya ditembak tetapi papannya kecil, dan rupa orang yang menembak di tempat bahaya itu adalah besar jari, senjatanya langsung tak nampak, jadi menunjukkan macam tak ada bahaya. Jadi hendaklah dibuat besar-besaran.

Perkataan manuver ini juga sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh tadi hendaklah ditukar dengan nyatanya, tempat menembakkah, tempat sasarankah, tempat latihan tentera dan sebagainya dijelaskan. Kalau dijawab manuver ini harus boleh jadi "menuba", jadi semua orang datang menuba ikan agaknya. Ini hendaklah dijelaskan sungguh-sungguh.

Saya tidaklah hendak bercakap lagi, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pertahanan. Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Shamsuri bin Md Saleh: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.55 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut sama rakan-rakan saya mengambil

bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Manuver Tentera 1983.

Saya juga mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan kerana telah berjaya mengemukakan satu Rang Undang-undang di Dewan yang mulia ini. Memandang kepada suasana dunia dan gelombang hidup masyarakatnya dalam keadaan yang kurang tenteram dewasa ini, maka Rang Undang-undang ini adalah kena pada masa dan ketikanya.

Tuan Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mensekukan Akta Manuver Tentera bagi semua Angkatan Laut, Darat dan Udara diletakkan di bawah satu Akta sahaja, tidak seperti masa-masa yang lalu terdapat ada beberapa Akta, umpamanya Akta Tentera Negeri Melayu Bersekutu, Ordinan Manuver Tentera Sabah 1959 dan Ordinan Manuver Tentera Sarawak. Langkah ini adalah satu langkah yang positif kerana Rang Undang-undang ini adalah sesuai dengan konsep pentadbiran Angkatan Tentera kita yang terletak di bawah satu pentadbiran sahaja. Di samping itu dapat menyelaraskan segala kegiatan latihan tentera di seluruh negara dengan cara lebih berkesan dan lebih membina.

Tuan Yang Dipertua, menerusi konsep manuver tentera ini Kerajaan akan dapat menguji kecekapan pasukan kita, sama ada Angkatan Laut, Darat dan Udara supaya sentiasa berada di dalam keadaan yang siap sedia dan dapat digunakan atau digerakkan pada bila-bila masa diperlukan oleh negara kerana sebagaimana yang sama-sama kita maklum jumlah bilangan sesuatu anggota Angkatan Tentera bagi sebuah negara itu tidaklah bermakna ianya

satu pasukan yang kuat, yang tahan diuji, tetapi yang lebih pentingnya ialah tentang kualitinya, betapa cekapnya anggota-anggota tentera itu menggunakan setiap senjata atau kelengkapan perang yang diperuntukkan kepada mereka, di samping berani, tabah, cintakan bangsa dan negaranya. Semangat seperti inilah yang akan dapat menentukan nilai keutuhan, kekuatan sesebuah Angkatan Tentera itu dan ini tidak akan diperolehi tanpa latihan yang dibuat dari semasa ke semasa. Di samping itu Kerajaan juga akan dapat menguji segala kelengkapan perang yang dibeli dari berbagai-bagai sumber di seluruh dunia.

Jadi dengan adanya latihan-latihan menerusi konsep manuver tentera ini maka kita akan dapat menilai mutu bagi sesuatu senjata itu, sama ada ianya sesuai dengan suasana alam dan keadaan muka bumi negara kita yang bergunung-ganang ini ataupun dengan cuaca yang banyak panas dan banyak hujan ini. Jika sekiranya latihan-latihan tidak dibuat, barangkali senjata-senjata yang kita gunakan itu tidak akan tahan lama dan cepat rosak dan ini akan membebankan negara kerana kita sering mengadakan peruntukan untuk menggantikan akan alat-alat senjata yang baru kerana yang ada itu rosak dan sebagainya.

Di samping itu juga Kerajaan akan dapat memberi pengetahuan kepada Angkatan Bersenjata dan menambah pengalaman mereka dalam taktik-taktik peperangan, sama ada peperangan secara terbuka ataupun peperangan secara gerila. Walaupun Ahli Yang Berhormat Kota Melaka cuba mengecil-ngecilkan konsep peperangan gerila ini, akan tetapi banyak negara yang mengamalkannya. Melihat kepada keadaan muka bumi negara kita ini adalah sesuai dengan gerakan peperangan secara gerila amat perlu dan mustahak, kerana jika berlaku sesuatu keadaan peperangan

di dalam negara kita sekiranya Angkatan Tentera kita tidak diberi latihan yang cekap di dalam konsep peperangan gerila, kita bimbang pertahanan negara tidak akan dapat bertahan lama.

Sebagai contoh umpamanya pergerakan pasukan militan komunis dengan kita. Misalnya sejak tahun 1948 sehingga kini sudah berpuluh-puluh tahun mereka masih lagi dapat bergerak walaupun secara gerombolan dari satu kawasan ke satu kawasan. Walaupun pada satu ketika dahulu sebelum tahun 1960 British merupakan sebuah empayer yang mempunyai kekuatan angkatan perang yang begitu kukuh dan kuat, cekap dan sebagainya tetapi mulai tempoh pemberontakan komunis 1948 hinggalah sampai tahun 1959 British gagal mengalahkan atau memusnahkan komunis kerana mereka ini cekap, komunis ini cekap di dalam taktik-taktik peperangan secara gerila sedangkan angkatan tentera British di masa itu tidak pandai berperang secara gerila, maka mereka tidak dapat mengalahkan komunis. Akhirnya apabila Kementerian Pertahanan negara ini diserahkan kepada rakyat negara kita dalam tahun 1959 maka dalam tahun 1960, dalam tempoh satu tahun sahaja kita telah berjaya menjadikan kawasan Tanah Melayu daripada Perlis sampai ke Johor Bahru menjadi kawasan putih dan bersih. Ertinya komunis sudah tewas tetapi sehingga kini gerombolan komunis ini masih bergerak di dalam negara kita ini menerusi konsep peperangan gerila.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian kepada Fasal 3 di dalam Rang Undang-undang ini yang telah menyebut bahawa dalam menentukan satu kawasan ataupun pengisytiharan kawasan manuver atau kawasan tembak, Yang Dipertuan Agong, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan di mana manuver tentera

akan diadakan boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan bahawa mana-mana kawasan yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu hendaklah menjadi kawasan manuver atau kawasan tembak dan boleh dari semasa ke semasa, dengan cara yang sama, mengisytiharkan bahawa kawasan itu hendaklah terhenti dari menjadi kawasan manuver atau kawasan tembak, mengikut mana yang berkenaan.

Saya mengalu-alukan di atas semangat kerjasama menerusi Rang Undang-undang ini di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Akan tetapi sukalah saya menarik perhatian termasuk juga di bawah Fasal 4 (c) kuasa Ketua Turus Angkatan Tentera di dalam menjalankan manuver tentera ini.

Berkenaan dengan kawasan-kawasan yang dipilih bagi kawasan manuver ini hendaklah Kerajaan memberi keutamaan kepada kepentingan orang ramai. Walaupun di dalam Rang Undang-undang ini di dalam Fasal 10 ada mengatakan akan diberikan pampasan tetapi pampasan atau gantian yang diberikan itu sudah tentu tidak akan sama dengan benda-benda semula jadi yang telah dirosakkan.

Sebagai contoh misalnya jika terkena kepada kawasan-kawasan dusun, pokok-pokok durian, petai dan sebagainya, walaupun Kerajaan boleh mengganti dengan wang tetapi Kerajaan tidak boleh menggantikan ataupun menjamin supaya rakyat terus mendapat nikmat seperti hasil tanaman yang sedia ada itu. Ertinya ganti itu tidaklah dapat sama dengan hak yang sedia ada pada orang ramai.

Jadi, kalau kita beri wang sebatang pokok durian katakanlah \$100, bolehkah dia mencari ganti membeli sebatang pokok durian yang lain dengan harga \$100. Sudah tentu tidak

boleh. Oleh sebab itu sebagaimana saya katakan tadi tekanan hendaklah diberi bahawa seboleh-bolehnya pilihlah kawasan-kawasan yang tidak terlibat dengan kepentingan umum—kalau boleh. Sekiranya kita dapat mencari kawasan-kawasan yang tidak terlibat dengan kepentingan umum maka sudah tentulah akan memberi kepuasan atau puas hati kepada semua pihak. Oleh sebab itu, sekali lagi saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan saya menyeru kalau boleh, dalam mencari kawasan ini pilihlah kawasan-kawasan yang tidak akan menjejaskan kepentingan umum.

Tuan Yang Dipertua, satu lagi saya suka menyentuh berhubung dengan Fasal 7 (1) (b) yang bermaksud:

“(b) mengambil bekalan air dari apa-apa sumber awam atau persendirian, dan bagi maksud itu boleh mengempang sesuatu aliran air:

Dengan syarat bahawa pengempangan itu tidak mengganggu apa-apa tred atau perindustrian”.

Saya merasa kurang jelas di sini, saya harap bahawa kepentingan umum juga hendaklah diberi keutamaan. Umpamanya jika sekiranya di kampung atau di kawasan itu ada rancangan perbekalan air dan sebagainya, dengan adanya latihan peperangan berlaku ataupun kawasan itu dipilih termasuk dalam kawasan manuver tentera maka janganlah mengganggu keperluan air penduduk-penduduk di situ.

Fasal 10 berkenaan dengan pampasan bagi kerosakan-kerosakan yang berlaku. Saya berharap pihak-pihak yang bertanggungjawab atau yang berkenaan di dalam membuat penilaian harta-harta yang telah dirosakkan akibat gerakan yang dijalankan di kawasan itu hendaklah adil dan saksama kerana kita bimbang

sekiranya penilaian itu dibuat secara tidak adil dan saksama akan menimbulkan rasa tidak puas hati orang ramai terhadap Angkatan Tentera kita dan ini akan menjejaskan perhubungan di antara Angkatan Tentera dengan orang ramai.

Sekiranya perhubungan di antara Angkatan Tentera ini terjejas maka sudah tentu mereka yang untungnya ialah musuh negara kita dan dengan yang demikian akan menjejaskan keselamatan pertahanan negara kita. Oleh sebab itu perlulah pihak-pihak yang bertanggungjawab membuat penilaian yang saksama dan adil supaya pampasan-pampasan itu dapat dibuat secara memuaskan dan wang-wang pampasan itu juga hendaklah dibayar dengan kadar yang segera supaya tidak berlaku apa-apa prasangka di antara orang ramai dengan pihak-pihak yang berkenaan kerana terdapat juga beberapa projek-projek di dalam sektor-sektor awam yang lain apakala hendak membayar berkenaan dengan pampasan ini kadangkala mengambil masa yang begitu panjang sehingga menimbulkan berbagai-bagai prasangka di antara rakyat dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Oleh sebab itu perlulah pihak Kementerian ini berwaspada kalau sekiranya kita menentukan suatu dasar umpamanya sekian tempoh masa mesti dihantarkan laporan-laporan di dalam menuntut pampasan itu maka Kerajaan juga perlu mengadakan tempoh yang menasabah untuk menyelesaikan segala bayaran pampasan itu kepada orang ramai.

Dengan cara yang seperti ini saya yakin dan percaya rakyat akan berpuas hati dan rancangan kita bagi menambahkan kecekapan, kebolehan sama ada kepada pihak pegawai-pegawai ataupun tentera-tentera kita akan dapat diteruskan di mana-mana kawasan yang menasabah dan sesuai dijalankan.

Maka dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.11 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang Dipertua, saya turut mengambil bahagian untuk membahaskan mengenai Akta Manuver Tentera. Tadi semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan usul ini iaitu beliau telah menyatakan tujuan-tujuan Akta ini. Iaitu untuk mewujudkan satu undang-undang bagi seluruh negara, bagi seluruh pasukan tentera iaitu bagi menyatukan undang-undang, enactment yang ada yang berasingan yang telah diwujudkan lama dahulu.

Yang keduanya ianya membolehkan Kerajaan Negeri dirujuk kerana memanglah kita tahu Kerajaan Negeri yang mempunyai tanah-tanah atau kawasan-kawasan samalah seperti tuan rumah kalau kita masuk rumah seseorang dengan tidak memberi salam maka sudah tentulah pihak kita yang bersalah. Dengan ini juga iaitu dengan membolehkan Kerajaan Negeri dirujuk dan mendapat persetujuan ianya akan mengiratkan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Beberapa peruntukan yang penting yang tercatat dalam undang-undang ini adalah sangat berfaedah iaitu memberi masa bagi tuan tanah menuntut pampasan dan juga memberi notis kepada pihak Kerajaan Negeri dan tuan tanah kepada pihak-pihak yang berkuasa. Cuma yang saya ingin nyatakan di sini mungkin tempoh yang dicatatkan itu adalah singkat kerana maklumlah mengenai perhubungan kadang-kadang ada masanya berita-berita ini terlewat disampaikan maka mungkin ianya akan menimbulkan beberapa masalah.

Dalam peruntukan-peruntukan lain telah ditentukan bahawa sekiranya ada kemusnahan berlaku maka pampasan-pampasan boleh dibuat dan ada juga peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman sesiapa juga yang melakukan kesalahan semana manuver. Jadi apa yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka rasa saya tidak berasas. Kerana di sini ada peruntukan bagi menjamin tidak sewenang-wenangnya anggota tentera ini boleh melakukan sesuatu kemusnahan. Saya berpendapat bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka terlalu negatif pandangannya. Beliau nampaknya menonjol-nonjolkan satu sahaja insiden, satu kejadian yang buruk yang telah berlaku di Rengit telah beberapa kali ditonjolkan dalam sidang Parlimen kali ini.

Selama hari ini dalam manuver-manuver tentera yang telah dilaksanakan oleh pihak angkatan tentera belum pun pernah terdapat pihak angkatan tentera memusnahkan kawasan perkampungan memusnahkan harta-benda, kampung-halaman, membunuh orang menghapuskan ternakan dan tanaman.

Jadi di manakah alasan-alasan beliau mencurigai angkatan tentera kita seolah-olah kumpulan ini iaitu anggota angkatan tentera adalah orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Beliau juga mengatakan bahawa angkatan tentera kita ini terdiri dari satu kaum sahaja dan ini akan menimbulkan masalah. Saya rasa semua orang tahu bahawa anggota angkatan tentera di Malaysia adalah terdiri daripada berbilang kaum. Jadi di manakah alasan beliau mencurigai semangat perpaduan yang ada di kalangan rakyat di Malaysia dan juga semangat perpaduan dan cintakan negara yang terdapat di kalangan angkatan tentera kita. Kalau kita kaji apakah sebabnya satu kaum melebihi

satu kaum yang lain dalam angkatan tentera kita, tentulah kita balik kepada asal-asalnya mula-mula sekali angkatan tentera negara kita ini ditubuhkan iaitu yang berasaskan Askar Melayu.

Yang keduanya memang ternyata bahawa penduduk-penduduk bukan Melayu memang kurang berminat memasuki pasukan tentera di negara kita ini.

Namun begitu ada beberapa ramai mereka yang memasukinya telah memegang jawatan-jawatan tinggi dalam pasukan tentera. Ini tidak boleh dinafikan. Sebab yang ketiga bahawa mereka tidak berminat memasuki angkatan tentera ialah kerana pencapaian pelajaran mereka iaitu pemuda-pemuda bukan bumiputera memilih bidang-bidang lain. Mereka melanjutkan pelajaran menjadi professional, orang-orang perniagaan dan lain-lain.

Jadi memanglah mereka tidak memilih pasukan tentera menjadi kerjayanya. Sepatutnya rakyat Malaysia seluruhnya, apatah lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan ini, berterima kasih kepada pasukan tentera atas khidmat mereka menjaga ketenteraman negara ini, dengan bersabung nyawa sehingga membolehkan setiap orang tidur lena dengan anak isterinya di rumah tiap-tiap malam. Yang Berhormat pun boleh ke mana-mana di Malaysia ini siang atau malam, tidak kira masa, tiada siapa yang mengganggu sebab negara Malaysia ini aman, damai dan tenteram dijaga dan dikawal rapi oleh pasukan tenteranya.

Berapa ramai pula orang-orang yang sakit dalam keadaan kecemasan diselamatkan oleh pasukan tentera, dengan izin, dalam mercy operation yang dilakukan dari satu masa ke satu masa. Begitu juga dalam keadaan bencana alam, banjir misalnya, pasukan tentera juga yang menolong

menyelamatkan orang ramai dengan tidak mengirakan keselamatan diri mereka sendiri.

Begitu juga kalau kita ada projek yang besar-besar, misalnya, Lebuhraya Timur-Barat siapakah yang menjaga keselamatan pekerja-pekerja awam yang melaksanakan projek yang begitu besar yang membuktikan bahawa negara Malaysia ini maju, membangun, aman dan tenteram.

Tuan Yang Dipertua, saya menyeru kepada Kementerian Pertahanan dan juga Kerajaan Malaysia supaya memberikan kemudahan-kemudahan latihan yang sepenuhnya serta kelengkapan kepada anggota pasukan tentera kita, kerana mereka ini mestilah yang paling cekap kerana di tangan merekalah bergantungnya keselamatan nyawa-nyawa 14 juta penduduk Malaysia.

Mengenai kelengkapan alat-alat senjata hendaklah dilengkapi dengan yang paling up-to-date sekali, dengan izin, kerana cerita-cerita lama dahulu yang mengatakan bahawa senapang tidak meletup bila anggota tentera kita bertempur, saya jangka ini hanyalah legenda semata-mata. Mungkin ianya tidak akan berlaku lagi. Begitu juga segala kelengkapan-kelengkapan lain hendaklah juga kemaskini agar menjamin bahawa khidmat yang diberikan oleh angkatan tentera itu adalah yang sebaik-baiknya.

Di samping itu kebajikan mereka ini dan anak keluarganya semua mestilah juga dijaga kerana mereka ini bersabung nyawa untuk negara, ugama dan bangsa. Sudah tentulah wajar bagi Kerajaan sebagai tanda terima kasih menjamin kebajikan dan keselamatan keluarga anggota-anggota pasukan tentera kita.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya Kementerian

Pertahanan kerana pindaan yang dibawa ini dan saya memohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

6.20 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua, di atas masa yang diberikan untuk saya bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Manuver Tentera, 1983 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Pertahanan dan saya mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri yang begitu mengambil berat terutama sekali mengenai masalah tentera kita ke arah latihan yang lebih cekap dan berdisiplin.

Sebelum kita menuju ke arah mengadakan manuver ataupun latihan-latihan perang untuk tentera kita, rasa saya lebih dahulu kita kena kaji tentang masalah cara kemasukan seteru. Latihan perang itu tujuannya melawan seteru dan negara kita ini merupakan pulau yang dikelilingi laut dan sungai-sungai. Sekiranya seteru masuk cara mana iaitu cara dari laut ataupun dari udara ataupun jalan kaki di darat. Latihan-latihan yang telah dilakukan tiap-tiap kali di Malaysia ialah secara apabila seteru sudah ada di tanahair kita ertinya seteru sudah ada di dalam, tetapi tidak dibuat latihan cara bagaimana apabila seteru masuk, baru ia masuk misalnya seteru masuk dari laut, cara mana mempertahankannya. Latihan itu belum diadakan secara latihan yang dapat dipandang dengan cara besar-besaran. Sekiranya seteru masuk dengan kapal laut ataupun cara berenang, dari kapal perang ke daratan belum lagi dibuat cara mempertahankan bagaimana? ataupun belum dilatih walaupun ada dilatih tetapi tidak dilatih secara yang dinamakan.

Tuan Yang Dipertua: Seteru masuk dengan cara berenang? (*Ketawa*).

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Sekiranya seteru masuk dengan cara berenang.

Tuan Yang Dipertua: Berenang, oh! ya (*Ketawa*).

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Seteru itu boleh masuk dengan cara berenang.

Tuan Yang Dipertua: Boleh, ya!

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Boleh. Pada masa Jepun melanggar tanahair kita, melanggar masuk ke Malaysia, bukannya dengan perahu ataupun dengan kapal sampai ke darat ke pengkalan iaitu daripada kapal mereka terjun ke laut khususnya ke Terengganu. Bukanlah ertinya berenang daripada negeri China ataupun daripada Jepun atau daripada mana ke mari, ertinya daripada kapal perang mereka ke darat berenang, begitu maksud saya, bukan bererti berenang daripada negaranya ia menuju ke mari. Sebab apa, adalah mustahil kapal perang akan himpit ke pelabuhan, dia tidak akan himpit ke pelabuhan ghalibnya, iaitu ghalibnya berlabuh di laut, daripada sana dia berenang ataupun daripada sana dia masuk dengan sampan-sampan kecil. Begitulah selalunya kalau daripada laut.

Kalau daripada udara, rasa saya banyaklah dapat kita fikirkan bagaimana cara menghadapinya. Maka cara-cara begini nampaknya belum lagi tentera Malaysia kita membuat latihan-latihan seumpama di negeri Mesir di mana mereka ada membuat latihan tentera cara begini iaitu askar-askar daripada kapal perang terjun berenang hala ke darat. Jadi di situlah mereka latih bagaimana cara menyekatnya, bagaimana cara memburunya, bagaimana cara menentang sehingga ada di antaranya yang pakai pukat pun

ada. Ini kalau kita dengar di Malaysia pakai pukat pun geli hati juga ertinya macam ikan Yu atau macam memukat ikan. Perang adalah dinamakan di dalam istilah bahasa Arab, dengan izin, al-harbu khida'ah. Perang adalah tipu daya. Cara tipu daya mestilah mahu dipelajari, bukan pada masa peperangan sahaja iaitu daripada sekarang lagi.

Misalnya pada tahun 1967 pada masa pemerintahan Presiden Gamal Abdul Naseer memerintah Mesir, oleh kerana negeri mereka tidak mempunyai cukup kapal terbang di pengkalan-pengkalan terbang tentera mereka membuat kapal terbang palsu daripada daun-daun tamar ataupun daun kurma. Maka sepintas lalu entah bagaimana agaknya reaksi rada musuh, Israel datang mengebom kapal terbang yang dibuat daripada daun tamar tadi. Ini pun kalau kita fikir macam tak menasabah kerana kapal terbang ada mempunyai radar dan sebagainya, tetapi sungguhpun radar, pelaksanaannya berjalan kepada hati manusia juga. Apabila masanya menempuh peperangan itu datang takut dan sebagainya. Itu boleh jadi daun kurma itu nampak macam kapal terbang juga. Itu pun salah satu dari tipu daya.

Selain daripada itu tentulah biasanya kita apabila membuat latihan perang, selalunya disamakan dengan negara-negara lain berserta bersama. Pada hemat saya eloklah bagi pihak Kerajaan kita khasnya bagi pihak Kementerian Pertahanan sebelum menerima negara-negara yang akan bersama-sama membuat latihan perang itu hendaklah kita terlebih dahulu meneliti negara-negara itu terutama sekali negara yang patut kita terima ialah negara yang negerinya itu sama kedudukan alamnya sebagaimana Malaysia seperti keadaan hutan-hutannya iaitu askar-askarnya yang berperang secara hutan juga. Kalau kita terima misalnya daripada

negeri-negeri yang tidak seimbang sebagaimana keadaan di negara kita seperti padang pasir dan sebagainya, boleh jadi mereka itu di satu masa kita tak tahu bahawasanya mereka itu negara sahabat ataupun lawan. Kalau sekiranya mereka jadi lawan bererti mereka datang ke mari belajar dan ia tengok bagaimana cara perang di dalam hutan. Di situ ia dapat memetik, oh! rupanya askar-askar Malaysia begini keadaannya duduk dalam hutan, askar-askar Malaysia begini menyorok di bawah sampah, askar-askar Malaysia rupanya begini berselindung di dalam perlindungan tunggul, askar-askar Malaysia rupanya begini naik atas pokok kayu, askar-askar Malaysia rupanya begini berenang di dalam sungai. Jadi apabila di satu masa nanti kalau-kalaulah kita jadi seterusnya mereka sudah pandai dengan taktik kita, maka tahu kita duduk di celah-celah, di lubang-lubang mana dan tempat mana.

Tuan Yang Dipertua: Duduk dalam tunggul pun ada? (*Ketawa*).

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Dalam tunggul pun ada. Kerana pada masa perang oleh kerana negeri kita tunggul pun banyak, pokok kayu pun

banyak, kesemuanya akan jadi, perlindungan ertinya taktik-taktik yang kita reka sekarang boleh dibuat pada masa tidak kecemasan tetapi apabila kecemasan, semuanya mungkin hilang daripada segala taktik-taktik yang dapat difikirkan oleh kebanyakan hati-hati dan rekaan-rekaan manusia yang biasa. Oleh sebab itulah ialah saya katakan bawa negeri-negeri yang kita patut terima untuk ia berlatih bersama-sama berperang di negara kita ialah negeri-negeri yang kita fikirkan tidak akan menjadi seteru dengan negeri itu buat selama-lamanya.

Tuan Pengerusi: Panjang lagikah?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Ya, panjang lagi.

Tuan Yang Dipertua: Boleh sambung syarahan berkenaan dengan cara peperangan itu pada minggu hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga 4.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.